



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2024

**ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL  
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR**

---

**KETUA PTJ :**

SITI ZALEHA BINTI SAHAK

**KETUA UNIT KUALITI :**

HADIJAH BT IBERAHIM

**PENYELARAS :**

HADIJAH BT IBERAHIM

**PENULIS :**

1. WAN SHAZATUL AZIRA BINTI WAN MOHD FADZLI
2. HAMIDAH BINTI MD YUSOP
3. NUR ARFAH BINTI MUSTAPHA
4. NUR ARFAH BINTI MUSTAPHA
5. NUR ARFAH BINTI MUSTAPHA
6. SHALIZA BINTI ALWI
7. MOHD FATHI BIN ABU YAZIZ @ MOHAMAD

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan kanan AAGBS memainkan peranan penting dalam fasa **Global Prominence (2023-2025)** dengan menyokong aspirasi UiTM untuk merealisasikan misi transformasi universiti yang berfokus pada tiga teras strategik utama: pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berasaskan nilai. Dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, dua unit utama, iaitu **Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa**, diterajui oleh dua Timbalan Dekan yang bekerjasama dengan dua Koordinator, seorang pegawai eksekutif, dan seorang kerani. Mereka bertanggungjawab merancang, merangka, memantau pelaksanaan, menyemak keberhasilan aktiviti, serta menambah baik proses dan prosedur melalui pengenalanpastian keperluan sumber dan sokongan sepanjang tempoh pengoperasian.

**Pelan perancangan strategik AAGBS 2023** diselaraskan dengan visi dan misi institusi, yang bertujuan mencapai piawaian **badan akreditasi antarabangsa seperti Association of Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)**. Kerangka pelan tindakan ini diperhalusi dan dihubungkan rapat dengan setiap **Key Performance Indicator (KPI)** yang dilaraskan oleh Unit Transformasi Universiti. Ini menjadikan AAGBS sebuah pusat akademik perniagaan pascasiswazah yang diiktiraf di peringkat global, komited untuk membentuk pemimpin bertanggungjawab dalam perniagaan dan masyarakat.

AAGBS komited untuk mencapai visinya melalui tiga sub-misi utama: **connect with industry, engage with community, dan advance in knowledge**. Di bawah kepimpinan kanan, program pengurusan dan pembangunan pelajar dipacu melalui **10 KPI** yang dipetakan kepada satu misi besar, dengan tiga inisiatif utama: melahirkan pemimpin bertanggungjawab (**Responsible Leaders**), pemikir inovatif (**Innovative Thinkers**), dan bakat global yang berdaya saing (**Global Future Talents**). Perancangan kewangan, sumber manusia, dan bahan-bahan kritikal diteliti secara mendalam bersama ahli komiti terlibat serta pihak bendahari.

**Pemantauan berterusan** dilakukan melalui bengkel pelan strategik tahunan dan mesyuarat pengurusan bulanan yang berkala. Ini bertujuan mengesan kekuatan dan kelemahan hasil serta proses, dengan pendekatan pengurusan yang berteraskan nilai-nilai agile, innovative, collaborative, dan responsible. Isu-isu dan masalah yang dikenalpasti ditangani dengan segera bagi memastikan kecemerlangan operasi dan hasil dicapai melalui penambahbaikan berterusan. **Aduan dan maklum balas pelanggan** juga diambil serius oleh unit berkaitan untuk terus memperbaiki kualiti perkhidmatan.

Kepimpinan AAGBS mengukur pencapaian aktiviti melalui dua cara utama: **keberhasilan KPI** yang dilaraskan oleh Koordinator Perancangan Strategik dan pencapaian akademik pelajar serta program berdasarkan **Objektif Kualiti**. Penilaian ini dilakukan melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, External Review** oleh InQKA, dan **Peer Review** oleh badan akreditasi seperti ABEST21 dan AACSB.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini dibuktikan melalui **penambahbaikan proses serta prosedur**, dengan mengenalpasti keperluan sumber dan sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh operasi. Hasilnya, AAGBS telah menerima **pengiktirafan** melalui **pencapaian jumlah enrolmen pelajar pascasiswazah tertinggi di UiTM Indeks Pencapaian SUFO melebihi 90%** dan **peningkatan bilangan pelajar yang menamatkan pengajian tepat pada masanya (GOT)** pada tahun 2023. Keberhasilan ini turut tercermin dalam **kejayaan alumni AAGBS yang kini menjadi pemimpin terkemuka** dalam pelbagai industri.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan AAGBS memainkan peranan penting dalam fasa **Global Prominence (2023-2025)** dengan mengamalkan pendekatan **agile** dan **collaborative** dalam usaha menyokong pelan tindakan universiti yang menyasarkan untuk mencapai status universiti terkemuka dunia menjelang 2025 (GRU2025). Pendekatan ini berfokus kepada tiga teras strategik utama: **pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berasaskan nilai**. Dalam menguruskan 34 staf akademik dan 14 staf pentadbiran, pimpinan AAGBS memastikan pelaksanaan program di Shah Alam serta 9 kampus cawangan dijalankan dengan efisien. Meskipun AAGBS beroperasi dalam kapasiti yang lebih kecil berbanding entiti akademik lain, kekuatan pimpinan ini adalah luar biasa dalam menerajui pengurusan dan pembangunan pelajar di peringkat global.

Pada Disember 2022, **Bengkel Pelan Strategik 2023 dilaksanakan secara inklusif**, melibatkan staf akademik, staf sokongan, Profesor Pelawat, Proses ini bertujuan untuk memastikan setiap pihak yang terlibat dalam operasi AAGBS memberikan input yang berharga, sekaligus menjadikan pelan strategik lebih komprehensif dan berkesan. Hasil daripada perancangan ini kemudian dibentangkan kepada pihak bendahari dan ahli *Advisory Board*, serta wakil cawangan, wakil pelajar dan alumni untuk mendapatkan sokongan dan cadangan penambahbaikan yang diperlukan (Bukti 1.2.1). Visi dan misi AAGBS adalah tunjang utama kepada setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dilaksanakan. Dengan tumpuan kepada tiga sub-misi utama—**connect with industry, engage with community, dan advance in knowledge**.

AAGBS komited untuk mencapai objektif universiti dengan memfokuskan kepada pendidikan berkualiti yang bertujuan melahirkan graduan seimbang, holistik, dan pemimpin yang bertanggungjawab. Di bawah pimpinan kanan, program pengurusan dan pembangunan pelajar dipacu dengan berkesan melalui **10 Petunjuk Prestasi Utama (PI) yang telah dipetakan kepada satu misi utama**. Misi ini menyokong tiga inisiatif penting: melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab (**Responsible Leaders**), pemikir inovatif (**Innovative Thinkers**), dan bakat global yang berdaya saing (**Global Future Talents**) (Bukti 1.2.2). Perancangan kritikal bagi kewangan, dan sumber manusia diteliti bersama ahli komiti terlibat serta pihak bendahari. Komitmen yang tinggi meletakkan lebih **10% (RM200,000) bajet pengoperasian untuk pengurusan dan pembangunan pelajar** (Bukti 1.2.3).

Selain itu, AAGBS juga melaksanakan pelbagai pendekatan inovatif dalam memastikan pengurusan yang lebih berkesan dan berdaya saing. Pendekatan ini tidak hanya melibatkan pihak dalaman seperti staf dan pelajar, tetapi juga pihak luar seperti agensi kerajaan, industri, dan komuniti antarabangsa. Salah satu inisiatif pembangunan pelajar yang penting bagi **strategi jangka panjang** adalah dengan memastikan **kursus Capstone diterapkan dengan projek kompetensi dan program mobiliti pelajar**. Ini bertujuan untuk memberi pelajar pengalaman praktikal yang lebih mendalam, serta pendedahan global yang lebih luas (Bukti 1.2.4). Bagi **strategi jangka pendek** pula, AAGBS memastikan bahawa **projek khas** dirancang dan dilaksanakan secara inovatif, dengan kerjasama perwakilan pelajar, alumni, serta rakan strategik industri dan antarabangsa. Pendekatan ini dibina berdasarkan **data terkini dan penilaian pencapaian lepas**, yang dijadikan panduan dalam pengurusan dan pembangunan pelajar (Bukti 1.2.5).

Kesimpulannya, pimpinan kanan AAGBS bukan sahaja berjaya dalam menguruskan sumber manusia dan kewangan dengan cemerlang, tetapi juga dalam memastikan setiap inisiatif dan program yang dilaksanakan memberikan impak yang signifikan terhadap pembangunan pelajar dan pencapaian visi universiti. Pendekatan yang **agile, collaborative, innovative, dan responsible** ini adalah kunci kejayaan AAGBS dalam melahirkan graduan yang berkualiti, holistik, dan berdaya saing di arena global.

### SENARAI BUKTI:

1. [B0078\\_K01\\_KB02\\_20241\\_Bukti 1.2.1 Slaid Bengkel Perancangan Strategik AAGBS 2023.pdf](#)
2. [B0078\\_K01\\_KB02\\_20242\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.2 Pemetaan Misi, PI dan Projek.pdf](#)
3. [B0078\\_K01\\_KB02\\_20243\\_Bukti 1.2.3 Jumlah Bajet Pengurusan dan Pembangunan Pelajar 2023.pdf](#)
4. [B0078\\_K01\\_KB02\\_20244\\_Bukti 1.2.4 Rekod Pencapaian Aktiviti Pembangunan Pelajar.docx.pdf](#)
5. [B0078\\_K01\\_KB02\\_20245\\_Bukti 1.2.5 Pencapaian PI Tahun 2023 .pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan AAGBS memainkan peranan strategik melalui **Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa**, yang diterajui oleh dua Timbalan Dekan, dua Koordinator, seorang pegawai eksekutif, dan seorang kerani. Unit ini diberi tanggungjawab untuk mengenal pasti fungsi, peranan, dan tanggungjawab dalam proses pengurusan dan pembangunan pelajar. Fokus utama adalah untuk memacu perancangan yang lebih terperinci, memantau pelan tindakan dan pelaksanaan, menyemak keberhasilan aktiviti, serta memastikan keperluan sumber dipenuhi sepanjang tempoh pengoperasian. Hal ini dilakukan melalui *engagement* yang erat dengan pihak pemegang taruh.

#### Perluasan di Peringkat AAGBS:

Kepimpinan AAGBS telah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk staf akademik, pentadbiran, pelajar, alumni, serta wakil industri dan komuniti. Langkah ini diambil untuk memastikan setiap keputusan dan tindakan adalah inklusif dan berkesan. Beberapa inisiatif utama termasuk:

1. **Taklimat Kepimpinan Kanan pada Mesyuarat Akademik dan Advisory Board**- Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan sokongan dan keterlibatan penuh dari warga AAGBS dalam setiap usaha pengurusan dan pembangunan pelajar (Bukti 1.3.1).
2. **Semakan Kurikulum 2023/2024** - Semakan ini dilakukan bersama wakil agensi kerajaan, industri, pakar akademik, dan alumni. Fokus utama adalah penawaran kursus *Capstone* yang mengandungi elemen projek *experiential learning* (CSR) dan knowledge transfer bagi projek *Responsible Leaders* dan *Innovative Thinkers*.
3. **Penggunaan Laman Sesawang AAGBS dan Media Elektronik** - Platform seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, dan email digunakan untuk penyebaran maklumat dengan cepat dan telus kepada semua pihak berkepentingan (Bukti 1.3.2).
4. **Memperkasakan Perwakilan Pelajar AAGBS (ASAS)** - ASAS menerajui projek khas kepimpinan di peringkat fakulti dengan tema *Responsible Leaders*, yang membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka (Bukti 1.3.3).

#### Perluasan di Peringkat UiTM dan Kebangsaan:

Pada peringkat universiti dan kebangsaan, AAGBS memainkan peranan penting dalam menyokong hala tuju UiTM melalui pelbagai inisiatif yang memperkukuh kedudukan universiti. AAGBS turut melibatkan staf akademik dari cawangan, agensi kerajaan, alumni, serta wakil industri dan komuniti dalam usaha pengurusan dan pembangunan pelajar. Antara langkah yang diambil termasuk:

1. **Taklimat Resource Person kepada Staf Akademik Cawangan** - Taklimat ini penting bagi kursus *Capstone*, yang mengandungi elemen *experiential learning* (CSR) dan *knowledge transfer*, dengan fokus kepada projek *Responsible Leaders* dan *Innovative Thinkers*.
2. **Penggunaan Laman Sesawang dan Media Elektronik** - Seperti di peringkat fakulti, maklumat disebar dengan telus dan cepat melalui pelbagai platform elektronik.
3. **Kolaborasi bersama Komuniti, NGO, Industri, dan Badan Profesional** - Contohnya, IMM *Webinars* dan dianjurkan sebagai sebahagian daripada Projek *Global Future Talents*, yang melibatkan pelajar dalam projek-projek berimpak tinggi.

#### Perluasan di Peringkat Global:

Pada peringkat global, AAGBS telah memperluaskan jejaring dan kerjasama dengan institusi pendidikan terkemuka serta industri di seluruh dunia. Beberapa inisiatif utama termasuk:

1. **MOU dan MOA dengan Universiti Berpotensi** - Perjanjian ini bertujuan memperkukuh penawaran program pembangunan pelajar di peringkat global.
2. **Taklimat Pelajar Program Induksi** - Taklimat ini memperkenalkan pelajar kepada peluang

mengikuti Exchange Program dan Dual Degree Program, yang merupakan sebahagian daripada projek *Global Future Talents*.

3. **Kolaborasi bersama Universiti Terkemuka** - Ini termasuk program pertukaran pelajar dan program Dual Degree serta penyelidikan yang berkolaborasi dengan institusi luar negara.

Inisiatif perluasan dipelbagai peringkat telah terbukti berkesan dalam mendapatkan sokongan semua pihak pemegang taruh, penghasilan graduan yang berdaya saing di peringkat global (Bukti 1.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_K01\\_KB03\\_20241\\_Bukti 1.3.1 MOM Advisory Board 2023.pdf](#)
2. [B0078\\_K01\\_KB03\\_20242\\_Bukti 1.3.2 Media Elektronik AAGBS.pdf](#)
3. [B0078\\_K01\\_KB03\\_20243\\_Bukti 1.3.3 Kerjasama ASAS dan ALUMNI AAGBS.pdf](#)
4. [B0078\\_K01\\_KB03\\_20244\\_Bukti 1.3.4 Poster Induksi Exchange Program.pdf](#)
5. [B0078\\_K01\\_KB03\\_20245\\_Bukti 1.3.5 Inisiatif ASAS, ALUMNI & Uni Antarabangsa.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan kanan PTJ telah merangka pelan pemantauan yang sistematik untuk mengenal pasti pencapaian dan kegagalan dalam bidang tumpuan yang dipilih. AAGBS mempunyai carta fungsi tadbir urus yang dinamik bagi pemantauan secara **top down** dan **horizontal** (Bukti 1.4.1). Pelan ini melibatkan beberapa langkah strategik:

#### **1. Mengenalpasti Pencapaian Bidang Tumpuan:**

Kepimpinan PTJ mengadakan sesi pemantauan secara berkala, yang termasuk dalam agenda **Mesyuarat Pengurusan** bulanan, **JKAPS dan JAF** semester, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** berkala dan **Perancangan Strategik** tahunan. Dalam mesyuarat ini, setiap bidang tumpuan yang telah dipilih akan dinilai berdasarkan **10 KPI** yang telah ditetapkan (Bukti 1.4.2).

Pengurus projek akan membentangkan status terkini inisiatif mereka, termasuk pencapaian, cabaran, dan tindakan lanjut yang diperlukan. Selain itu, **laporan pencapaian interim** di pantau oleh Koordinator Perancangan Strategik, disediakan setiap suku tahun untuk memastikan setiap inisiatif berjalan mengikut pelan yang dirancang menggunakan **system e-RMS dan UePMO**. **Laporan bergambar dikongsikan di media elektronik** dengan bagi tujuan rekod dan pemakluman kecapaian projek-projek khas in (Bukti 1.4.3).

Laporan ini juga disemak oleh **Audit Dalam iQMS, Unit Hal Ehwal pelajar dan Unit jaringan Industri dan Antarabangsa, Audit Luar InQKA, Audit Badan Akreditasi ABEST21 dan AACSB**. Maklum balas diberikan dengan segera untuk memastikan tindakan pembetulan boleh diambil sekiranya perlu (Bukti 1.4.4).

#### **2. Mengenalpasti Punca Kegagalan Sesuatu Inisiatif:**

**Aduan maklumbalas pelajar, diskusi secara berkala bersama rakan kolaborasi dan penilaian selepas projek** dilaksanakan secara berterusan abgi mengenalpasti isu, masalah dan punca kegagalan (Bukti 1.4.5). Apabila kegagalan dikenal pasti, analisis akar punca (*root cause analysis*) dilakukan secara menyeluruh. Proses ini melibatkan pengumpulan data dari semua tahap pelaksanaan, wawancara dengan pihak yang terlibat, dan semakan semula strategi pelaksanaan yang telah digunakan.

Sesi pembelajaran dari kegagalan ini dilakukan melalui sesi retrospektif yang melibatkan semua pihak. Dalam sesi ini, pimpinan kanan bersama pasukan projek membincangkan sebab-sebab kegagalan, mengenal pasti kelemahan dalam proses, dan merangka tindakan pembetulan. Sebagai contoh, isu kegagalan pelajar yang mengikuti program pertukaran di Belgium pada tahun 2018, telah dibincangkan dalam JKAPS dan JAF mendapati ketidaksesuaian kriteria pelajar dan program yang diikuti.

Pelan pemantauan AAGBS berfungsi untuk mengesan pencapaian dan kegagalan, dan menyokong pembelajaran berterusan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan inisiatif.



**SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_Bukti 1.4.1 \(1\) Tadbir Urus AAGBS.pdf](#)
2. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_Bukti 1.4.1 \(2\) Agenda Mesyuarat Pengurusan.pdf](#)
3. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_Bukti 1.4.1 \(3\) UePMO UiTM.pdf](#)
4. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20244\\_Bukti 1.4.1 \(4\) Contoh Laporan Audit ABEST21.pdf](#)
5. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20245\\_Bukti 1.4.1 \(5\) Poster i-Care.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan AAGBS bertindak secara berterusan dalam mengenal pasti dan mengurus risiko yang berpotensi menjejaskan kejayaan inisiatif bagi bidang tumpuan yang telah dipilih.

**Penyelaras Risiko** telah dilantik bagi membantu kepimpinan kanan mengambil pendekatan sistematik yang melibatkan beberapa langkah strategik: 1) **mengenalpasti risiko, punca risiko, mengklasifikasikan tahap risiko, merancang kawalan risiko serta melaksanakan tindakan pencegahan risiko secara proaktif dan reaktif** (Bukti 1.4.2 (1)). Proses ini adalah selari dengan Panduan Risiko yang diselaraskan dalam sistem UiTM (Bukti 1.4.2 (2)).

**Jawatankuasa Pengurusan Risiko dengan keahlian kepimpinan Kanan dan Ketua Unit Kualiti**, membuat pelaporan risiko secara berkala iaitu 4 kali setahun bagi memantau isu, tindakan dan status risiko (Bukti 1.4.2 (3)). Pelaporan ini dibentangkan dan diminitkan dalam MKSP (Bukti 1.4.2 (3)).

Bagi bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar, rekod pendaftaran risiko 2023 menunjukkan beberapa risiko yang dikenalpasti bagi projek **Global Future Talents** -Risiko tinggi kegagalan adalah **kurang penglibatan pelajar** di dalam program mobiliti (Student Exchange, Dual Master). Antara punca kegagalan adalah disebabkan peningkatan mata wang asing, prosidur mendapatkan kelulusan visa yang semakin ketat dan kes pelajar separuh masa yang bekerja, yang tidak mendapat pelepasan majikan. Perkara ini membawa impak kurang penglibatan program mobiliti dikalangan pelajar dan reputasi yang tidak baik dengan rakan kerjasama (Bukti 1.4.2 (4)). Strategi mitigasi risiko yang telah diambil sebagai tindakan pembetulan adalah menyediakan **bantuan kewangan sebanyak RM5,000 bagi setiap pelajar yang memerlukan, memberi panduan awal dan menyediakan dokumen permohonan visa, dan memastikan pelajar telah mendapat kelulusan majikan** sebelum membuat pendaftaran penempatan dalam program mobility pada universiti luar negara yang berkolaborasi (Bukti 1.4.2 (5)).

Pengurusan Kanan PTJ mengurus risiko dengan strategi mitigasi yang dirangka berdasarkan penilaian awal. Langkah-langkah seperti pengoptimuman sumber, penyesuaian jadual, dan penyediaan bajet tambahan diambil untuk mengurangkan kemungkinan dan kesan risiko. Pemantauan berterusan dilakukan melalui Mesyuarat Pengurusan Risiko, di mana status risiko dibincangkan dan strategi mitigasi dikemaskini apabila risiko baru timbul. Pendekatan yang berstruktur ini memastikan risiko diminimumkan, dan inisiatif dapat mencapai objektifnya dengan cekap dan berkesan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_Bukti 1.4.2 \(1\) Surat Lantikan Penyelaras Risiko.pdf](#)
2. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_Bukti 1.4.2 \(2\) Garis Panduan Risiko UiTM.pdf](#)
3. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_Bukti 1.4.2 \(3\) Minit MKSP 1\\_2023.pdf](#)
4. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_Bukti 1.4.2 \(4\) Daftar Risiko 2023.pdf](#)
5. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20245\\_Bukti 1.4.2 \(5\) Risiko Projek Global Future Talents.pdf](#)

### 1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan AAGBS mengamalkan pendekatan sistematik dalam mengkaji semula dan melaksanakan tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Proses ini melibatkan beberapa langkah utama yang bertujuan untuk memastikan peningkatan berterusan dan pencapaian objektif strategik.

#### 1. Kajian Semula Berterusan:

Pengurusan AAGBS secara berkala mengkaji semula pencapaian inisiatif melalui **Mesyuarat Pengurusan** bulanan dan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** tahunan. Dalam sesi ini, hasil pelaksanaan inisiatif dinilai secara terperinci, termasuk pencapaian KPI dan analisis terhadap cabaran yang dihadapi. Data dan maklumat dari penilaian ini digunakan untuk mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan serta punca masalah yang mungkin menjejaskan prestasi (Bukti 1.4.3 (1)).

#### 2. Tindakan dan Implementasi Penambahbaikan Berdasarkan Data:

Berdasarkan kajian semula dan penilaian pencapaian **10 PI, Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Antarabangsa dan Industri** merangka tindakan penambahbaikan yang spesifik. Pendekatan ini menggunakan data dan analisis yang diperoleh untuk menentukan tindakan yang paling efektif. Setelah tindakan penambahbaikan dikenalpasti, Pengurusan memastikan ia dilaksanakan dengan pantas dan efisien. Pelaksanaan ini dipantau secara rapi melalui sistem pemantauan yang telah ditetapkan, termasuk laporan berkala dan perjumpaan dengan pasukan pelaksana. Pendekatan ini memastikan bahawa tindakan penambahbaikan benar-benar memberi impak positif terhadap prestasi dan tidak berulangunya masalah yang sama (Bukti 1.4.3(2)).

#### 4. Pembelajaran dari Pengalaman:

Pengurusan AAGBS memberi penekanan kepada pembelajaran berterusan dari hasil tindakan penambahbaikan. Pengalaman dari inisiatif yang berjaya atau gagal dianalisis untuk mendapatkan pelajaran yang berharga. Pengetahuan ini kemudian didokumentasikan dan dikongsi dalam **minit mesyuarat dan dikenalpasti sebagai projek potensi Operational Excellence** untuk memperbaiki pelaksanaan inisiatif di masa hadapan (Bukti 1.4.3 (3)).

#### 5. Pemantauan dan Pengulangan Proses:

Proses mengkaji semula dan **penambahbaikan adalah berterusan**. Setelah tindakan penambahbaikan dilaksanakan, prestasi dipantau untuk memastikan keberkesanannya. Sekiranya hasil yang diinginkan tidak tercapai, kajian semula dilakukan sekali lagi, dan tindakan penambahbaikan tambahan mungkin diperlukan. Pengulangan proses ini memastikan peningkatan berterusan dan **adaptasi terhadap sebarang perubahan** atau cabaran baru yang timbul

**Kesimpulan:** Melalui proses mengkaji semula yang sistematik dan tindakan penambahbaikan yang berfokus, Pengurusan AAGBS berjaya meningkatkan prestasi dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Pendekatan ini memastikan pencapaian yang konsisten dengan objektif strategik dan memaksimumkan keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_Bukti 1.4.3 \(1\) Minit MKSP 1\\_2023.pdf](#)

2. [B0078\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_Bukti 1.4.3 \(2\) 10 PI Pencapaian.pdf](#)

3.

4.

5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan AAGBS memainkan peranan penting dalam membudayakan objektif dan inisiatif strategik organisasi, khususnya dalam mencapai **10 Petunjuk Prestasi Utama (PI)** Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Proses integrasi ini melibatkan pelbagai pendekatan yang bertujuan memastikan setiap warga AAGBS memahami, menyokong, dan melaksanakan objektif strategik secara konsisten dan berkesan.

### 1. Penerapan Objektif melalui Komunikasi Berkesan

Pengurusan AAGBS memulakan integrasi dengan memastikan objektif dan inisiatif strategik disampaikan dengan jelas kepada staf. Komunikasi berkesan dicapai melalui pelbagai saluran, termasuk taklimat berkala, mesyuarat jabatan, serta penggunaan platform digital seperti laman sesawang, e-mel, dan media sosial. Taklimat **Resource Person awal semester, Mesyuarat Akademik**, dan **Program Induksi Pelajar** memastikan staf dan pelajar sedar akan matlamat organisasi dan peranan mereka dalam mencapainya. Ini membina kesedaran dan komitmen di kalangan warga AAGBS terhadap objektif yang telah ditetapkan (Bukti 1.5.1).

### 2. Pengukuhan melalui Latihan dan Pembangunan Profesional

Pengurusan AAGBS menekankan kepentingan latihan dan pembangunan profesional sebagai langkah penting dalam membudayakan objektif strategik. Program **latihan** disediakan agar staf memahami dan melaksanakan inisiatif strategik dengan lebih efektif. Ini termasuk bengkel, kursus peningkatan kemahiran, dan program pembangunan kepimpinan yang khusus menyokong pelaksanaan inisiatif strategik. **Latihan** ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi staf tetapi juga memperkukuh keselarasan antara tindakan mereka dengan matlamat organisasi (Bukti 1.5.2).

### 3. Penerapan Nilai-Nilai Teras dalam Operasi Harian

Pengurusan AAGBS memastikan nilai-nilai teras organisasi diterapkan dalam setiap aspek operasi harian. Nilai-nilai seperti **agile, collaborative, innovative, dan responsible** diintegrasikan dalam budaya kerja AAGBS. Penglibatan aktif dalam program tanggungjawab **sosial korporat (CSR)** dan **kolaborasi dengan industri** dan **antarabangsa** menunjukkan komitmen organisasi terhadap nilai-nilai ini. Pengurusan juga mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada pencapaian staf yang seiring dengan objektif strategik melalui **Majlis Apresiasi dan Anugerah Khidmat Cemerlang**. Bukti 1.5. 3.

### 4. Penglibatan dan Penyertaan Staf dan Pelajar

Integrasi objektif strategik juga dicapai melalui penglibatan dan penyertaan aktif semua pihak dalam organisasi. Pengurusan Kanan AAGBS memastikan staf dan pelajar terlibat dalam proses perancangan dan pelaksanaan inisiatif strategik. Sebagai contoh, **Perwakilan Pelajar AAGBS (ASAS)** dan **Alumni AAGBS** memainkan peranan penting dalam menerajui projek khas yang selaras dengan tema dan objektif strategik fakulti. Dengan melibatkan mereka secara langsung, budaya yang menyokong pencapaian objektif strategik dapat diperkukuh (Bukti 1.5.3).

### 5. Pemantauan dan Penilaian Berterusan

Pengurusan AAGBS juga melaksanakan pemantauan dan penilaian berterusan untuk

memasukkan integrasi objektif strategik dalam operasi harian. KPI yang berkaitan dengan bidang tumpuan dipantau secara berkala melalui **Mesyuarat Pengurusan**, dan hasil penilaian ini digunakan untuk membuat penambahbaikan yang diperlukan, memastikan inisiatif strategik sentiasa relevan dan berkesan dalam mencapai objektif organisasi mengikut **struktur tadbir urus** (Bukti 1.5.4)

## 6. Penggunaan Teknologi untuk Penyelarasan

Pengurusan AAGBS menggunakan teknologi sebagai alat penyelarasan untuk memastikan semua inisiatif strategik diintegrasikan dengan baik. Penggunaan sistem pengurusan prestasi digital dan platform **UePMO** dalam talian membantu menyelaraskan tindakan antara jabatan dan individu, serta memudahkan pemantauan prestasi. Ini membolehkan respons cepat terhadap sebarang isu atau cabaran yang timbul, dan memastikan tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan pantas (Bukti 1.5.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_K01\\_KB05\\_20241\\_Bukti 1.5.1 Minit Mesyuarat Staf Akademik Bil 1\\_2023 \(20 MAC 2023\).pdf](#)
2. [B0078\\_K01\\_KB05\\_20242\\_Bukti 1.5.2 List of Training, Programmes and Workshop Attended by AAGBS Lecturers 2022.pdf](#)
3. [B0078\\_K01\\_KB05\\_20243\\_Bukti 1.5.3 Majlis Apresiasi AAGBS.pdf](#)
4. [B0078\\_K01\\_KB05\\_20244\\_Bukti 1.5.5 AAGBS Functional Chart 2023 \(1\).pdf](#)
5. [B0078\\_K01\\_KB05\\_20245\\_Bukti 1.4.1 \(3\) UePMO UiTM.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

AAGBS mempunyai perancangan strategik yang selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2025 yang menekankan penghasilan graduan holistik bersifat keusahawanan yang seimbang, kecemerlangan bakat dan menghayati pembelajaran sepanjang hayat. **Pendekatan** Perancangan strategik AAGBS selari dengan perancangan strategik UITM 2025 (2020-2025) yang bermatlamat untuk menjadikan UITM sebagai global renowned university menjelang tahun 2025. Warga AAGBS merancang pengurusan dan pembangunan pelajar dengan mengambilkira tiga teras strategik UITM 2025 iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berteraskan nilai dan membentuk Pelan Strategik AAGBS 2023 dengan menjadikan **global prominence (2023-2025)** sebagai tumpuan utama. Program pengurusan dan pembangunan pelajar dipacu melalui **10 Petunjuk Prestasi Utama (PI) yang telah dipetakan misi AAGBS**. Misi ini menyokong tiga inisiatif penting: melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab (**Responsible Leaders**), pemikir inovatif (**Innovative Thinkers**), dan bakat global yang berdaya saing (**Global Future Talents**). Perancangan kritikal bagi kewangan, dan sumber manusia diteliti bersama ahli komiti terlibat serta pihak bendahari.

Inisiatif **perluasan** dibuat sejajar dengan **visi AAGBS** dalam membentuk **responsible leaders** dan memberi **impak kepada masyarakat** melalui pelbagai **program** yang melibatkan pelajar. Aktiviti pembangunan pelajar dijalankan secara inovatif dengan membuat pendekatan melalui pengajaran kursus *Capstone* bersama agensi kerajaan, komuniti dan industri. Selain itu, pembangunan pelajar juga telah diperkuatkan melalui perwakilan pelajar iaitu ASAS dan penubuhan Alumni AAGBS. Inisiatif pengantarabangsa AAGBS mengariskan pertukaran pelajar melalui perjanjian MOU/MOA dengan universiti luar negara. Pertukaran pelajar merealisasikan *experiential learning* dilaksanakan melalui program mobiliti pelajar (inbound dan outbound) dalam dua projek utama iaitu *Dual Master Program* dan *Student Exchange Program*. Program pembangunan pelajar diterapkan dengan *agile, collaborative, innovative, dan responsible* yang menjadi nilai utama di AAGBS.

**Pemantauan** perancangan strategik merupakan aspek penting yang dititikberatkan oleh warga AAGBS. Pemantauan semasa dilaksanakan secara menyeluruh bermula dari bengkel tahunan pelan strategik AAGBS yang dihadiri oleh seluruh warga AAGBS. Aspek pembangunan pelajar dibincangkan dan prestasi semasa dan tindakan penambahbaikan dibuat. Pemantauan berterusan dibuat secara sistematik dan berkala untuk memastikan perancangan strategi untuk pembangunan pelajar AAGBS mencapai sasaran yang ditetapkan. Risiko pelaksanaan juga dikenalpasti dan diurus dengan lebih berkesan. Risiko aspek pembangunan pelajar didaftar untuk memastikan risiko dapat diurus dan semua proses dapat dikawal dan diselia dengan baik. Dengan menggunakan pengkelasan tahap risiko UiTM, pembangunan pelajar di AAGBS mengalami tahap risiko yang tinggi iaitu kurang penglibatan pelajar dan staf di dalam program mobiliti.

Walaupun bagaimanapun, **tindakan penambahbaikan** dilaksanakan melalui usaha tindakan penambahbaikan perancangan program pembangunan pelajar yang menekankan **ekonomi madani** dan kecemerlangan pelajar yang bersifat innovative, berpemikiran strategik, bertanggungjawab, dan global. Pelaksanaan program/aktiviti/projek mobiliti pelajar dan aktiviti berkumpul pelajar dipantau oleh ketua-ketua unit dengan dibantu oleh penyelarasan dan ketua projek. Penambahbaikan berterusan dibincang semasa bengkel perancangan strategik tahunan di mana, pencapaian prestasi tahunan dan cabaran-cabaran operasi dan aktiviti-aktiviti dikenalpasti dan kaedah penambahbaikan ditetapkan. Hasil dari usaha yang berterusan dan sistematik dalam pencapaian perancangan strategik untuk pembangunan pelajar, AAGBS mengalami peningkatan keberkesanan dan penambahbaikan perancangan untuk pembangunan pelajar.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Teras strategik UiTM 2025 iaitu Pendidikan Berkualiti menjadi rujukan utama di dalam merangka pelan Pelan strategik pembangunan pelajar di AAGBS. Fokus perancangan strategik ini terhasil dari keutamaan kepada penghayatan kepada objektif strategik (OS) UiTM iaitu menghasilkan graduan bersifat global yang seimbang dan berciri keusahawanan (OS – 4) dan peningkatan penghayatan nilai melalui program pengukuhan UiTM (OS - 5). AAGBS menjadikan **global responsible leaders for business and society** sebagai halatuju dengan memberi fokus kepada **pendekatan-pendekatan** yang seiring dengan pembangunan Pelajar di UiTM (Bukti 2.2.1). Perancangan Pelan strategik AAGBS menyokong Perancangan Strategik (PS) UiTM 2025 untuk menjadi universiti terkemuka dunia (GRU) pada

tahun 2025. **Bengkel Pelan Strategik 2023 dilaksanakan secara inklusif**, melibatkan staf akademik, staf sokongan, dan Profesor Pelawat secara langsung dan pemegang taruh lain seperti pelajar, alumni dan rakan strategik industri dan universiti antarabangsa secara tidak langsung.

Untuk menyokong kedua-dua objektif strategik UiTM khususnya di dalam aspek pembangunan pelajar yang bersifat **responsible leaders, innovative thinkers** dan **global future talents**, AAGBS mengariskan Performance Indicator (PI) seperti di bawah sebagai sasaran (Bukti 2.2.2);

### **Connect with Industry:**

PI032 Number of Students participated in international programme Organised by Partner University/Industry/ Institution

*PI033 Numbers of students involved in the e-sport industry*

*PI080 Number of alumni expert service programme*

PI023 Number of Collaboration with Agencies, Industries, NGO, IPT (local and International)

### **Engage with Community**

PI007 Number of Inbound Students

PI008 Number of Outbound Students

PI084 Number of International Programmes/ Activities for Active MoU/MoA for the Current Year

PI076 Number of Knowledge Transfer Program

PI075 Number of University Social Responsibility Program

### **Advance in Knowledge**

*PI037 Number of students involved in invention and innovation activities*

Kepimpinan Kanan AAGBS sentiasa berusaha menyemarakkan penghayatan pelan strategik UiTM kepada warganya. Untuk memastikan seluruh warga AAGBS sentiasa mendukung pelan strategik sejajar dengan UiTM, sesi bersama Naib Canselor pada setiap awal tahun yang menggantikan Amanat Naib Canselor amat- dialu-alukan oleh AAGBS (Bukti 2.2.3). Pencapaian semasa dihebahkan kepada seluruh warga AAGBS di **Mesyuarat Akademik**. Ia menjadi agenda utama yang dibentangkan pada setiap mesyuarat tersebut (Bukti 2.2.4). Ini bertujuan untuk memastikan seluruh warga AAGBS mengetahui pencapaian semasa pelan strategik dan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil untuk memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. AAGBS selalu memastikan sumber digerakkan secara cekap dan berkesan dalam memastikan sasaran dan KPI yang ditetapkan dapat dicapai. Peringatan tentang penghayatan perancangan strategik kepada warga AAGBS juga dibuat di dalam Mesyuarat Akademik (Bukti 2.2.5).



GENERAL BUKTI

1. [B0078\\_P01\\_PB02\\_20241\\_Bukti 2.2.1.pdf](#)
2. [B0078\\_P01\\_PB02\\_20242\\_Bukti 2.2.2.pdf](#)
3. [B0078\\_P01\\_PB02\\_20243\\_Bukti 2.2.3.pdf](#)
4. [B0078\\_P01\\_PB02\\_20244\\_Bukti 2.2.4.pdf](#)
5. [B0078\\_P01\\_PB02\\_20245\\_Bukti 2.2.5.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif-inisiatif yang dijalankan menekankan pembangunan pelajar AAGBS bersifat **responsible leaders** yang menjadi visi AAGBS dan menjurus kepada aspirasi UITM iaitu kecemerlangan bakat dan kecemerlangan global dan **ekonomi madani**.

Melalui inisiatif dibawah program **CSR**, pelajar-pelajar di AAGBS dihubungkan dengan *underprivileged community* dengan menjalankan aktiviti-aktiviti melibatkan anak yatim, orang kampung, dan golongan belia. Manakala inisiatif **inovasi** dijalankan melalui perancangan program dan aktiviti e-sport, pertandingan inovasi, dan kursus kursus *Capstone*AAGBS yang menjurus kepada inovasi pelajar (Bukti 2.3.5).

Perancangan strategik AAGBS 2023 juga sejajar dengan penekanan AAGBS kepada **international experiential learning**. Keberhasilan teras tersebut direalisasikan melalui dua inisiatif iaitu lawatan sambil belajar dan program mobiliti pelajar. Melalui lawatan sambil belajar, para pelajar diiringi oleh pensyarah kursus melawat syarikat-syarikat dan universiti-universiti di luar negara. Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman di dalam mengaplikasikan teori-teori dan konsep-konsep yang di pelajari di dalam kelas kepada syarikat-syarikat di luar negara (Bukti 2.3.1). Inisiatif program mobility pelajar pula dilaksanakan melalui *Dual Master Program* dan *Exchange Student Program*.

Untuk memastikan pelaksanaan *Dual Master Program*, AAGBS telah menandatangani MOA bersama *Stuttgart University of Applied Sciences, Stuttgart, German* bagi program MBA bagi kedua-dua universiti (Bukti 2.3.2). Melalui dual MBA program ini, pelajar MBA di AAGBS berpeluang mengambil kursus-kursus yang ditawarkan di *Stuttgart University* dan sebaliknya. Pelajar-pelajar yang terpilih untuk mengikuti program ini akan ke *Stuttgart University of Applied Sciences, Stuttgart, German* untuk mengambil beberapa kursus pilihan program MBA of Management di university tersebut. Setelah bergraduat, pelajar-pelajar akan dianugerahkan skrol MBA dari UITM dan *Stuttgart University of Applied Sciences, Stuttgart, German*.

Bagi *Student Exchange Program*, pelajar-pelajar pascasiswazah di hantar ke universiti-universiti di luar negara yang mempunyai MOA/MOU dengan AAGBS seperti *SolBridge International School of Business at Woosong University, Daejeon, South Korea; KU Leuven Belgium; Yamaguchi University, Japan* (Bukti 2.3.3). Untuk tujuan pelaksanaan, Timbalan Dekan Unit Jalinan Industri dan Pengantarabangsaan dipertanggungjawabkan untuk memastikan projek-projek ini berjalan dengan baik (rujuk lampiran 2.3.4). Untuk memastikan pelaksanaan projek yang berkesan, Unit ini juga dibantu oleh beberapa pensyarah dan pegawai dari AAGBS.

AAGBS sentiasa giat berusaha menandatangani MOU dan MOA dengan dengan pihak-pihak samada didalam mahupun di luar negara (Bukti 2.3.4). Dengan adanya MOA dengan universiti-universiti di luar negara, program mobiliti pelajar dapat direalisasikan. MOA menjadikan universiti-universiti luar negara sebagai rakan kongsi strategik yang menerima pelajar MBA dari AAGBS untuk program *dual master* dan *student exchange*. Usaha sebegini adalah berkesan untuk pembangunan pelajar di AAGBS.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_P01\\_PB03\\_20241\\_Bukti 2.3.1.pdf](#)
2. [B0078\\_P01\\_PB03\\_20242\\_Bukti 2.3.2.pdf](#)
3. [B0078\\_P01\\_PB03\\_20243\\_Bukti 2.3.3.pdf](#)
4. [B0078\\_P01\\_PB03\\_20244\\_Bukti 2.3.4.pdf](#)
5. [B0078\\_P01\\_PB03\\_20245\\_Bukti 2.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelan strategik AAGBS dipantau secara sistematik dengan kaedah pemantauan secara tahunan, suku tahun, dan bulanan. AAGBS memastikan inisiatif strategik pembangunan pelajar yang telah dikenal pasti, melalui pemantauan yang teliti supaya sasaran perancangan strategik tercapai. Permulaan kepada usaha ini dibuat pada bengkel perancangan strategik dengan mengariskan projek-projek yang bakal dilaksanakan dibawah setiap unit di AAGBS.

Perancangan pemantauan melibatkan projek-projek yang bakal dilaksanakan, tempoh masa, budget, dan pegawai yang terlibat. mengariskan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan dan industri di AAGBS. Aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan dan industri di AAGBS seterusnya dipantau dengan membentuk *Strategic Action Plan (SAP) Task Force -Activity Blue Print* yang memperincikan maklumat seperti aktiviti-aktiviti yang dirancang, tempoh masa projek, anggaran kos, dan pensyarah yang dipertanggungjawabkan (Bukti 2.4.1). Usaha ini memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dipantau dengan berkesan. Pemantauan perancangan strategik di AAGBS dilaksanakan oleh Penyelaras Pemantauan Perancangan Strategik dengan menyediakan laporan keseluruhan bagi status pelaksanaan inisiatif strategik.

Sebagai kaedah pemantauan, penyelaras perancangan strategik di AAGBS yang dilantik pada tahun 2020 iaitu Dr Sharizan menghantar laporan pencapaian bulanan keseluruhan AAGBS kepada Unit Transformasi Universiti. Di peringkat BTU UiTM pula, pemantauan pencapaian dibuat pada suku tahun. Melalui kaedah pemantauan *VC Tracking Data dan Global Prominence* pula jumlah aktiviti pengantarabangsaan AAGBS dilaporkan kepada OIA.

AAGBS juga menggunakan media sosial seperti Facebook untuk menyebarkan maklumat terkini tentang program kepelbagaian pelajar, seperti program dual master dan pertukaran pelajar (Bukti 2.4.2). Selain itu, peluang latihan praktikal di Windsorpatania Architect United Kingdom juga dihebahkan melalui platform ini (Bukti 2.4.5). Seluruh aktiviti ini adalah untuk membangunkan pelajar dan memastikan bahawa mereka mendapat peluang pembelajaran yang berharga.

Selain itu, AAGBS juga menghasilkan e-bulletin melalui laman webnya untuk menyebarkan maklumat-maklumat penting berkaitan projek yang dijalankan (Bukti 2.4.3). Ini adalah satu cara yang berkesan untuk memastikan bahawa maklumat tersebut dapat disampaikan kepada pihak yang berkenaan dengan lebih meluas. Melalui ini, masyarakat juga dapat mengetahui tentang pencapaian AAGBS dan usaha-usaha yang dilakukan dalam memajukan pembangunan modal insan di Malaysia. Sebagai tambahan, Annual corporate report AAGBS juga menjadi salah satu kaedah penyebaran maklumat pencapaian AAGBS kepada Masyarakat (Bukti 2.4.4).Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang aktiviti dan pencapaian AAGBS dalam pembangunan pendidikan dan modal insan negara.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_Bukti 2.4.1.pdf](#)
2. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_Bukti 2.4.2.pdf](#)
3. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_Bukti 2.4.3.pdf](#)
4. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_Bukti 2.4.4.pdf](#)
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

AAGBS perlu mengenal pasti dan mengurus risiko yang dihadapi dan sentiasa berusaha membuat penambahbaikan keatas inisiatif yang dirancang. Risiko perancangan strategik di di AAGBS dipantau oleh Penyelaras Pengurusan Risiko AAGBS yang mengurus dan memantau risiko keseluruhan di AAGBS. Semasa mesyuarat pembentangan perancangan strategik, risiko pengantarabangsaan dan industri juga dikenalpasti dan dibincangkan. Risiko berkenaan merangkumi program mobiliti pelajar dan juga MOA/MOU. AAGBS mengenal pasti kategori risiko, tahap risiko dan pelan tindakan yang berkaitan dengan pencapaian pelan tindakan (Bukti 2.4.2.1). Penyelaras juga membentangkan pemantauan risiko di Mesyuarat kaji semula pengurusan. Pelan tindakan strategik dan risiko dibentangkan dan individu/Kumpulan bertanggungjawab dilantik pada bengkel ini (Bukti 2.4.2.2). Risiko yang telah dikenalpasti berkaitan dengan pembangunan pelajar di AAGBS adalah melibatkan kurangnya penglibatan pelajar untuk program mobility. Aspek keperluan bajet dan risiko pelaksanaan dikenalpasti dan kekangan-kekangan pelaksanaan pelan strategik yang telah dicadangkan. Pemantauan risiko di AAGBS menggunakan sistem eRMS UiTM dan keterangan risiko, kawalan sedia ada dan cadangan kawalan telah dibuat oleh AAGBS. Tindakan pemantauan risiko pelan strategik AAGBS juga dijalankan secara berkala dan sistematik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_Bukti 2.4.2.1.pdf](#)
2. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_Bukti 2.4.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pada amnya kajian semula kepada aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan dan industri di AAGBS dibuat secara berterusan bermula dengan Penyelaras Perancangan Strategik AAGBS yang mengemaskini maklumat-maklumat kemajuan baru kepada Unit Transformasi Universiti. Tujuan kaji semula ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan dan kelemahan perancangan strategik yang dilaksanakan di AAGBS. Dengan melakukan kajian semula ini, pihak pengurusan dapat mengambil tindakan yang diperlukan untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi organisasi.

Bengkel perancangan strategik AAGBS tahunan, yang disertai oleh semua ahli akademik dan pentadbir, menyediakan platform untuk menilai pencapaian inisiatif dan KPI AAGBS (**Bukti 2.4.3.1**). Melalui sesi ini, setiap unit di AAGBS dapat berkongsi maklum balas tentang isu dan aktiviti operasi mereka, dan cadangan penambahbaikan dapat dikemukakan.

Selain itu, mesyuarat pengurusan bulanan juga diadakan untuk mengemaskini isu dan aktiviti operasi di seluruh unit di AAGBS (**Bukti 2.4.3.2**). Dalam mesyuarat ini, pencapaian perancangan strategik akan dikaji semula dan tindakan pembetulan dapat diambil jika diperlukan. Ini memastikan bahawa perancangan strategik di AAGBS sentiasa relevan dan disesuaikan dengan perubahan dalam industri dan persekitaran perniagaan.

Proses kaji semula ini juga membolehkan AAGBS untuk memastikan pematuhan terhadap perancangan strategik pembangunan pelajar. Dengan melakukan penilaian dan penambahbaikan berterusan, AAGBS dapat terus meningkatkan prestasi organisasi dan mencapai matlamat strategik yang ditetapkan (**Bukti 2.4.3.3**).

Pada bengkel perancangan strategik AAGBS 2024, seluruh wargus AAGBS terlibat dalam proses semakan. Bengkel ini diadakan di Everly Hotel Putrajaya. Semasa bengkel, pencapaian inisiatif tahun sebelumnya dan pencapaian KPI AAGBS akan dinilai secara menyeluruh, dan cadangan peningkatan akan dibincangkan dan dipersetujui (**Bukti 2.4.3.4**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_Bukti 2.4.3.1.pdf](#)
2. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_Bukti 2.4.3.2.pdf](#)
3. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_Bukti 2.4.3.3.pdf](#)
4. [B0078\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_Bukti 2.4.3.4.pdf](#)
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Selain itu, AAGBS juga menggunakan teknologi untuk memudahkan pemantauan dan penilaian terhadap sasaran strategik pembangunan pelajar. Melalui penggunaan sistem pengurusan NILAM (Bukti 2.5.1), AAGBS dapat memantau pencapaian dan penilaian program pembangunan pelajar secara lebih efisien. Sistem ini juga memudahkan pemantauan dan penilaian program dan aktiviti pelajar, serta memastikan agar objektif strategik dapat dicapai dengan efektif.

Pemantauan perancangan strategik dan penggunaan teknologi adalah penting bagi AAGBS untuk mencapai matlamat dan sasaran strategik yang telah ditetapkan. Dengan melibatkan pelbagai pihak dan memanfaatkan teknologi, AAGBS dapat meningkatkan prestasinya dalam bidang kecemerlangan bakat untuk menghasilkan *responsible leaders* dan mendukung aspirasi ekonomi madani yang seiring dengan sustainable development goal dan pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Bukti 2.5.2). Ini akan memberikan keunggulan kepada AAGBS dalam saingan global dan mencapai visi UITM untuk menjadi universiti terkemuka dan diiktiraf secara antarabangsa.

AAGBS aktif dalam menyebarkan maklumat-maklumat penting berkaitan aktiviti dan program organisasi dan pembangunan pelajar (Bukti 2.5.3). Melalui penggunaan kemudahan ICT seperti laman web, media sosial, dan laporan korporat, mereka dapat memastikan bahawa maklumat tersebut dapat sampai kepada golongan masyarakat yang berkepentingan. Dengan ini, AAGBS dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat mengenai usaha mereka dalam memajukan pembangunan modal insan di Malaysia.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_P01\\_PB05\\_20241\\_Bukti 2.5.1.pdf](#)
2. [B0078\\_P01\\_PB05\\_20242\\_Bukti 2.5.2.pdf](#)
3. [B0078\\_P01\\_PB05\\_20243\\_Bukti 2.5.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan dan pembangunan pelajar di Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) diselaraskan dengan kerangka strategik yang memadukan dasar dan perancangan di peringkat universiti, kebangsaan, dan trend global. Fokus ini seiring dengan Tema Strategik 2: Graduan Seimbang dan Berciri Keusahawanan di bawah Pelan Strategik UiTM 2025. Menerusi motto "Connect, Engage, and Advance," AAGBS memberi tumpuan kepada hubungan pelajar dengan industri, penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, dan perkongsian ilmu pendidikan.

AAGBS menumpukan usaha untuk membina penglibatan pelajar, terutamanya melalui program Sarjana Berkembar (Dual-Master) bersama Stuttgart Technology University of Applied Sciences (HFT Stuttgart). Matlamat utama adalah mencapai 90% kebolehpasaran graduan, dengan 10% bersaing di peringkat kebangsaan dan global. Ini dicapai dengan memupuk minda global, memperkaya pengalaman pembelajaran, dan meningkatkan kemahiran kepimpinan serta daya saing pelajar.

AAGBS juga mengutamakan pelanggan, iaitu pelajar, dalam memastikan kepuasan dan peningkatan prestasi organisasi. Melalui Model PDCA (Plan, Do, Check, Act), AAGBS merancang dan melaksanakan strategi berterusan untuk memenuhi kehendak pelanggan. Identifikasi dan klasifikasi pelanggan memudahkan pengumpulan data yang digunakan untuk penambahbaikan berterusan. Pelaksanaan program-program dirancang dengan teliti untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dan memastikan risiko diuruskan dengan baik.

Pada tahun 2023, ketika negara berusaha memperkukuh ekonomi, AAGBS terus memantau dan menjalin usahasama baru bersama pemain industri dan institusi pengajian tempatan dan antarabangsa. Data dari program kemasyarakatan, perkongsian ilmu, dan Sarjana Berkembar digunakan untuk menambah baik program pada masa hadapan.

Kerjasama antara unit-unit dan pensyarah di AAGBS sangat penting dalam merealisasikan program-program tersebut. Unit Jaringan Industri & Antarabangsa (JIA) memainkan peranan dalam komunikasi korporat dan hubungan antarabangsa, memastikan penyebaran maklumat mengenai program-program AAGBS dan menjalin hubungan dengan rakan industri serta universiti lain. Mesyuarat berkala diadakan untuk memantau pencapaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh AAGBS dan UiTM, memastikan keselarasan dan relevansi program dalam mencapai matlamat pembangunan pelajar.

## 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### 3.2 PENDEKATAN BAGI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR (APPROACH)

Pengurusan dan pembangunan pelajar adalah aspek penting dalam pendidikan dan mempunyai kesan yang besar dalam membentuk masa depan individu dan masyarakat secara keseluruhan. Pelajar akan memperoleh bukan sahaja pengetahuan akademik tetapi juga kemahiran hidup penting seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi, kerja berpasukan, dan pengurusan masa. Kemahiran ini adalah penting untuk kejayaan mereka dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk kerjaya. Pengurusan dan strategi pembangunan yang betul boleh meningkatkan pencapaian akademik.

Sentiasa meletakkan UiTM di peringkat global, AAGBS telah mengambil pendekatan awal dengan melaksanakan program pertukaran pelajar ke HFT Stuttgart bermula dari tahun 2013 dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) pada tahun 2012

**(AAGBS\_3.2a\_MoU1)**. MoU ini adalah sejajar dengan amanat Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2012 yang memberi tumpuan kepada penghasilan graduan yang “Berfikiran Global, Bertindak Lokal”. Kejayaan **program mobiliti** iaitu pertukaran pelajar ini diikuti pula oleh program sarjana berkembar pada tahun 2016. **Program akademik AAGBS yang terlibat untuk program sarjana berkembar ini adalah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Master in Business Administration) (MBA) AA700 untuk pelajar sepenuh masa dan AA701 untuk pelajar separuh masa mod eksekutif).**

Program ini membolehkan pelajar dari AAGBS dan HFT Stuttgart dimobiliti diantara dua universiti setiap tahun. Lampiran **AAGBS\_3.2b\_Pelajar Dual Master** memaparkan sebahagian pelajar-pelajar dari dua buah universiti yang terlibat dalam program sarjana berkembar ini. Kejayaan program pertukaran pelajar ini telah menjadi titik tolak kepada termeterainya memorandum persetujuan (MoA) diantara AAGBS dan HFT Stuttgart untuk merasmikan program sarjana berkembar pada tahun 2018 (**AAGBS\_3.2c\_MoU2**) dan diikuti oleh MoA pada tahun 2022 (**AAGBS\_3.2d\_MoU3**). Berlandaskan pelan strategik UiTM 2025, AAGBS terus mengorak langkah memperkasakan program sarjana berkembar ini untuk mencapai kecemerlangan global melalui penghasilan graduan dengan dua sarjana dari dua universiti berbeza pada masa serentak iaitu:

1. **AAGBS : Master in Business Administration**
2. **HFT Stuttgart : Master in General Management**

Selain dari program sarjana berkembar ini, AAGBS juga menandatangani MoU bersama Cardiff University (**AAGBS\_3.2e\_MoU Cardiff**) pada tahun 2023 untuk menghubungkan kepakaran luar dan juga perkongsian ilmu bersama para pelajar AAGBS. Ini menunjukkan usaha berterusan AAGBS untuk memastikan para pelajar sentiasa terdedah kepada pembelajaran global.

Selain dari program sarjana berkembar ini, pendekatan bagi pengurusan dan pembangunan pelajar adalah tertumpu kepada program-program yang dijalankan melalui kursus-kursus tertentu yang ditentukan oleh pensyarah sebagai penasihat. Program ini adalah bertujuan untuk membangunkan potensi diri para pelajar dalam mendepani dunia pekerjaan sebenar dan bagaimana untuk menangani isu masyarakat dari sudut pandai perniagaan.

Pelanggan utama AAGBS adalah pelajar, dengan fokus pada peningkatan permohonan untuk program sarjana berkembar. Poster promosi disebar setiap semester melalui media sosial seperti Instagram dan Facebook. Sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025, AAGBS telah memeterai memorandum kerjasama dengan HFT Stuttgart untuk meningkatkan penyertaan pelajar dalam pengajian antarabangsa. Kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh program sarjana berkembar tetapi juga memperkaya perkongsian ilmu melalui pensyarah pelawat dari HFT Stuttgart. Usaha ini diharap memperhebat pembangunan ilmu antarabangsa dalam kalangan pelajar AAGBS dan UiTM secara keseluruhan.



**SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_T01\\_TB02\\_20241\\_Addendum 6A Alumni Activities.pdf](#)
2. [B0078\\_T01\\_TB02\\_20242\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.
6. [B0078\\_T01\\_TB02\\_20241\\_Addendum 6A Alumni Activities.pdf](#)
7. [B0078\\_T01\\_TB02\\_20242\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

AAGBS menggunakan pelbagai mekanisme untuk pengurusan dan pembangunan pelajar, terutama dalam program sarjana berkembar dengan HFT Stuttgart. Program ini melibatkan pelajar dalaman (inbound) dan pelajar keluar (outbound), dengan prosedur terperinci untuk memproses dan menyimpan data pelajar melalui carta aliran kerja. Carta ini memetakan langkah dan interaksi antara pelajar dan AAGBS, membantu mengoptimumkan proses dan memenuhi kehendak pelajar.

Untuk program pembangunan pelajar lain, seperti program CSR dan bual bicara bersama pakar industri, kursus-kursus di AAGBS dibina berdasarkan kehendak semasa industri, memastikan pelajar terdedah kepada situasi pekerjaan semasa.

Proses permohonan program sarjana berkembar melibatkan beberapa langkah, termasuk semakan pelan pengajian, panggilan temuduga, dan permohonan ke luar negara dengan bantuan Office of International Affairs (OIA). Data pelajar yang diluluskan disimpan dalam pangkalan data teratur untuk pemantauan dan tindakan mitigasi risiko. Mesyuarat Jaringan Industri dan Pengantarabangsaan (JIA) turut diadakan untuk memantau pergerakan pelajar dalam program ini.

Bagi program pembangunan pelajar dalam kursus tertentu, borang permohonan dan laporan akhir diperlukan untuk memastikan Outcome Based Learning (OBE) tercapai. Semua data yang dikumpul disimpan sebagai rekod rujukan AAGBS untuk pemantauan berkala dan tindakan penambahbaikan di masa hadapan. Melalui pembahagian tugas dan peranan, AAGBS memastikan setiap peringkat proses permohonan dan pelaksanaan program dapat dijalankan dengan jayanya, meningkatkan lagi kualiti pengurusan dan pembangunan pelajar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_T01\\_TB03\\_20241\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

## **3.4 PEMBELAJARAN (LEARNING)**

### **3.4.1 Pemantauan Bagi Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**

AAGBS telah memperluas kerjasama antarabangsa sejak 2013 dengan program pertukaran pelajar antara AAGBS dan HFT Stuttgart, yang membawa manfaat besar kepada pelajar. Pada 2016, AAGBS memperkenalkan program sarjana berkembar yang membolehkan pelajar memperoleh dua ijazah serentak, seiring dengan matlamat UiTM untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan kepada 90% menjelang 2025. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami budaya pembelajaran yang berbeza, meluaskan perspektif ekonomi dan kajian global, serta menambah nilai dalam interaksi perniagaan antarabangsa.

Selain itu, program ini juga membantu pelajar membangun kemahiran komprehensif, menjadikan mereka profesional yang serba lengkap dengan penekanan pada perkembangan akademik dan sosial. Graduan dari program ini berpeluang menikmati rangkaian profesional yang luas, membuka pintu kepada kerjasama dan peluang pekerjaan masa depan.

AAGBS juga melaksanakan program inovatif untuk memperkuat kemahiran kepimpinan, kesedaran kelestarian, serta kesejahteraan mental dan sosial pelajar. Sesi Bicara Kepimpinan, yang melibatkan tokoh-tokoh industri, mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran dalam dunia profesional, membentuk mereka menjadi pemimpin masa depan yang berintegriti. Pelajar turut terlibat dalam program berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) untuk memahami peranan perniagaan dalam mencapai kelestarian global, serta Talent Talk yang memberikan pandangan pakar mengenai persediaan dan jangkaan dalam pasaran kerja yang sentiasa berubah.

Untuk mengasah bakat penulisan, pelajar digalakkan menghasilkan e-buku, memupuk minat membaca dan menulis dalam era digital. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) juga memberi pendedahan kepada pelajar tentang aktiviti kemasyarakatan, meningkatkan kesedaran mereka terhadap tanggungjawab sosial. Dalam menghadapi cabaran kesihatan mental, AAGBS mengadakan sesi bual bicara untuk membantu pelajar menguruskan tekanan dengan lebih berkesan melalui nasihat pakar kesihatan mental.

Keseluruhannya, usaha AAGBS ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran graduan di peringkat global, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk menjadi individu yang lebih holistik, berdaya saing, dan bertanggungjawab sosial.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

#### 3.4.2 Kenal Pasti dan Pengurusan Risiko (Act)

Mengenal pasti risiko dalam pengurusan dan pembangunan pelajar ini adalah sangat penting dan ianya melibatkan penilaian potensi cabaran dan ketidakpastian yang boleh memberi kesan kepada kejayaan program atau pengalaman pelajar.

Di antara risiko khusus (**kenalpasti risiko**) yang dialami oleh pelajar yang terlibat dalam program mobiliti pelajar ini adalah kekangan kewangan untuk membiayai dua ijazah serentak dikala negara sedang bergelut dengan ketidakstabilan ekonomi dunia berikutan penularan Covid-19. AAGBS telah mengambil langkah **pengurangan risiko** dengan menyediakan bantuan kewangan untuk meringankan beban kewangan pelajar melalui pembiayaan tabung amanah AAGBS untuk program mobiliti pelajar ke HFT Stuttgart bermula dari tahun 2022 (**AAGBS\_3.4h\_Sponsorship**). Pembiayaan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelanggan iaitu pelajar untuk meneruskan program sarjana berkembar ini.

Risiko lain yang **dikenalpasti** juga adalah seperti kekurangan penyertaan pelajar dalam program sarjana di AAGBS yang memberi kesan secara langsung kepada penyertaan pelajar ke program sarjana berkembar ini. AAGBS mengambil langkah **pengurusan risiko** dengan **menjalankan aktiviti hari terbuka secara dalam talian dan juga bersemuka** untuk menarik lebih ramai individu awam untuk mendaftar ke program sarjana di AAGBS (**AAGBS\_3.4i\_Open Day**). AAGBS juga **menjalankan program jerayawara** ke semua kampus cawangan UiTM yang mempunyai fakulti AAGBS untuk mendedahkan kepada pelajar sarjana muda tentang program-program sarjana di AAGBS (**AAGBS\_3.4j\_Jerayawara**).

**Pengurusan risiko** yang lain adalah dengan memenuhi keperluan khusus kedua-dua program sarjana yang rumit, terutamanya jika terdapat keperluan bertindih atau bercanggah dengan struktur dan keperluan program mungkin berubah dari semasa ke semasa, yang berpotensi menjejaskan rancangan pengajian untuk pelajar semasa. AAGBS mengambil langkah **menguruskan risiko** ini diperingkat awal permohonan pelajar iaitu melalui penyusunan pelan struktur pengajian berdasarkan semester semasa pelajar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

#### 3.4.3 Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan (Act)

Diantara inisiatif yang dijalankan oleh AAGBS dari semasa ke semasa untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar melalui program sarjana berkembar ini berjaya adalah dengan mengumpul maklumbalas program ini dari pelajar yang terlibat. Soalan maklumbalas adalah seperti **di lampiran AAGBS\_3.4k\_Soalan Maklumbalas** dan maklumbalas dari pelajar adalah seperti **di lampiran AAGBS\_3.4l\_Maklumbalas Pelajar**. Dari maklumbalas ini, AAGBS akan melaksanakan **penambahbaikan** kepada struktur program. Program MBA di AAGBS membolehkan pelajar sarjana berkembar berpeluang mempelajari modul kursus dipacu oleh industri (*industry-driven*) seperti modul kursus “Management of Technology and Innovation” dan “Knowledge Management and Business Intelligence”. Modul-modul ini mempersiapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan mempersiapkan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan di masa hadapan. Modul kursus untuk program MBA adalah seperti **di lampiran AAGBS\_3.4m\_Pelan Pengajian MBA**.

AAGBS juga menyedari kepentingan peningkatan kualiti untuk memastikan program, pengurusan dan kecekapan pentadbiran memenuhi atau melebihi kehendak pelanggan. Sehubungan dengan itu, AAGBS memastikan program sarjana berkembar adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan akreditasi seperti “ABEST21 International”. Dibawah akreditasi ini, AAGBS memastikan beberapa bidang utama di terus **diperbaiki** dari semasa ke semasa untuk menjadikan program MBA dan sarjana berkembar ini kekal relevan di pasaran pendidikan (**AAGBS\_3.4n\_ABEST21**). Kajian kurikulum juga dilaksanakan secara berkala (**AAGBS\_3.4o\_Curriculum Review**) untuk memastikan kurikulum pembelajaran diselaraskan dengan trend industri dan amalan terbaik. Maklumat dari badan professional dari industri juga digunapakai untuk membantu dalam **penambahbaikan** kurikulum kursus di masa akan datang (**AAGBS\_3.4p\_Advisor**).

Fokus **penambahbaikan** lain yang dilaksanakan oleh AAGBS untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar dijalankan secara holistik adalah melalui proses peningkatan “*International Experiential Learning*” melalui program mobiliti (**AAGBS\_3.4q\_Student Mobility**) di Halic Univerisity, Turki. Pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung akan mendapat faedah pengalaman pembelajaran antarabangsa melalui inisiatif membawa profesor dari universiti luar negara untuk menjadi penceramah jemputan atau pensyarah di AAGBS (**AAGBS\_3.4r\_Visiting Professor**). Profesor pelawat ini akan berkongsi pengetahuan dan pengalaman antarabangsa mereka dalam pelbagai bidang akademik dan industri.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

#### 3.5 PEMBUDAYAAN (*Integration*)

AAGBS telah **membudayakan** pengalaman pembelajaran yang komprehensif dikalangan pelajar sebagai pelanggan utama yang terlibat dengan program sarjana berkembar ini. Program ini menjadi nilai tambah kerana kemampuan pelajar memiliki dua ijazah dalam bidang pengurusan perniagaan secara serentak dari dua buah universiti dalam dan luar negara. Sarjana yang diperolehi juga adalah dipacu oleh industri berdasarkan struktur program yang dipantau dari semasa ke semasa oleh badan akreditasi seperti ABEST21.

AAGBS juga memastikan pelaksanaan program sarjana berkembar dan sarjana lain yang ditawarkan ini adalah sejajar dengan pengurusan dan perkembangan pelajar dengan mengambil beberapa langkah untuk menjadikan AAGBS sebagai sebuah institusi bertaraf antarabangsa seperti menaiktaraf infrastruktur di fakulti yang membolehkan komunikasi dua hala diantara AAGBS dan HFT Stuttgart. **Pembudayaan** pembelajaran secara maya ini juga menjadikan pelajar AAGBS tersedia dengan teknologi pembelajaran tanpa sempadan tidak kira apa pun situasi semasa. **Lampiran AAGBS\_3.5a\_Infra** memaparkan infrastruktur kelas yang dinaiktaraf di AAGBS untuk kemudahan pelajar-pelajar dan juga pelawat dari universiti antarabangsa.

Program sarjana di AAGBS ini telah melahirkan alumni AAGBS, UiTM dimana alumni boleh bekerjasama dalam aktiviti perkongsian pengetahuan dan penglibatan komuniti dan platform ini menyediakan ruang kepada pelajar sedia ada untuk mendapatkan nasihat kerjaya dan latihan amali dan peluang pekerjaan masa hadapan. Elemen **pembudayaan** disini berlaku apabila alumni yang terdiri dikalangan industri ini juga (**AAGBS\_3.5b\_Alumni**) membantu menyumbang pendapat dalam pembangunan struktur kursus yang merangkumi kursus teras daripada disiplin pengurusan dan kewangan konvensional dan islam serta kursus elektif yang meneroka persimpangan kedua-dua bidang. Program sarjana ini juga membolehkan pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dalam menjalankan kajian lapangan dimana pelajar dapat mengintegrasikan projek praktikal, kajian kes dan aplikasi dunia sebenar untuk menggalakkan pembelajaran praktikal dan penyelesaian masalah dalam pengurusan perniagaan. Penasihat akademik akan ditetapkan untuk membimbing pelajar melalui penyelidikan atau projek mereka.

AAGBS juga menyediakan sumber seperti bengkel, seminar dan aktiviti persidangan antarabangsa untuk membantu pelajar berhubung dengan pensyarah dan juga professional dari industri dengan tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan tentang keadaan semasa dunia perniagaan. Pembudayaan ini adalah sejajar dengan Hasrat UiTM untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan pada 90 peratus diperingkat tempatan dan 10 peratus dipasaran antarabangsa.

Kesimpulannya, kejayaan AAGBS didalam pelaksanaan pengurusan dan pembangunan pelajar melalui program sarjana dan sarjana berkembar secara menyeluruh ini telah berjaya melahirkan manfaat kepada pihak pelanggan terutamanya iaitu pelajar iaitu pemegang taruh terbesar UiTM, pihak AAGBS dan UiTM secara keseluruhannya. Dimana kejayaan program ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kejayaan objektif UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia. Kejayaan AAGBS dalam menghasilkan pelajar dengan sarjana berkembar ini telah melonjakkan reputasi AAGBS sebagai fakulti bertaraf antarabangsa selaras dengan misi UiTM 2025.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_T01\\_TB05\\_20241\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan dan pembangunan pelajar adalah komponen penting dalam **Pelan Strategik 5 Tahun AAGBS (2021-2025)**, yang bertujuan mentakrifkan semula **visi** untuk menjadi sekolah perniagaan siswazah yang diiktiraf di peringkat global. AAGBS berusaha untuk menghasilkan pemimpin yang bertanggungjawab melalui pelbagai inisiatif, termasuk pembangunan **Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Talents**. **Inisiatif pertama** AAGBS untuk membangunkan **Innovative Thinkers** diukur melalui bilangan **projek inovasi pelajar** dan penglibatan mereka dalam **industri e-sukan**, yang diukur dengan penunjuk **PI037 dan PI033**. **Inisiatif kedua**, membangunkan **Responsible Leaders**, diukur melalui program **perkhidmatan pakar alumni (PI080)**. **Inisiatif ketiga**, membangunkan **Global Future Talents**, dilihat melalui program mobiliti pelajar inbound dan outbound (PI007 dan PI008) namun diukur melalui **bilangan program antarabangsa di bawah MoU atau MoA yang aktif (PI084)**. Penyemakan dan pemantauan strategi ini dilakukan melalui pelbagai mesyuarat dan sistem **e-Reporting** yang dikawal selia oleh **BHEP dan BPJI**. Data pelaporan disimpan dalam **PRIME**, dan penglibatan antarabangsa dilaporkan melalui **VC's Priority Tracking** yang dikendalikan oleh OIA. **Misi AAGBS** selaras dengan prinsip **Ekonomi MADANI** yang menekankan kelestarian, kesejahteraan, dan inovasi. Keberhasilan program pembangunan pelajar dinilai melalui **pelbagai metrik**, termasuk jumlah pelajar yang terlibat, jumlah penerima manfaat, dan jumlah kekerapan program dijalankan. Pengukuran juga melibatkan aspek seperti jumlah dana yang diperolehi dan dibelanjakan, serta jumlah sesi latihan dan barangan yang diagihkan. Data dikumpulkan melalui **i-DAPs** dan dilaporkan melalui e-Reporting, yang kemudian dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan.

**Metrik kualitatif** juga digunakan untuk menilai impak program, termasuk penilaian kepuasan peserta dan penerima manfaat, penilaian pra dan pasca program, serta kajian kes mendalam untuk memahami impak jangka panjang. Metrik ini digunakan untuk menilai perubahan dalam kualiti hidup penerima manfaat dan kesejahteraan mereka, selaras dengan Matlamat **Pembangunan Mampan (SDG)**. Pemantauan berterusan memastikan program mencapai matlamatnya, dengan penekanan kepada penglibatan pelajar dalam industri E-Sports dan inovasi. Pencapaian ini dipantau oleh TNC HEP dan BHEP, yang menggunakan **Sistem Smart HEP** untuk merekod dan menjejaki prestasi. Penambahbaikan proses pengumpulan data dan integrasi sistem **PRIME** bertujuan memastikan pelaporan yang lebih cekap dan menyokong pencapaian strategi universiti. AAGBS juga menjalankan analisis data untuk mengenal pasti trend dan isu yang perlu ditangani. Data dikumpul dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan untuk memastikan tindakan penambahbaikan diambil. Selain itu, pengurusan risiko juga menjadi fokus utama, dengan penilaian risiko awal dan strategi mitigasi untuk menguruskan isu-isu yang mungkin timbul. Integrasi adalah kunci kepada keberkesanan program AAGBS, dengan penekanan kepada penggunaan sistem pengurusan bersepadu untuk menyelaraskan semua aspek program. Penambahbaikan instrumen dan integrasi e-Reporting dengan sistem **PRIME** memastikan data yang relevan direkod dan dilaporkan dengan berkesan. Usaha ini memastikan sinergi antara program akademik, pembangunan kemahiran, dan penglibatan komuniti, selaras dengan konsep **Ekonomi MADANI**.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan dan pembangunan pelajar menjadi salah satu cabang penting Pelan strategik 5 tahun (2021-2025) mentakrifkan semula kenyataan **Visi AAGBS** untuk menjadi sekolah perniagaan siswazah yang diiktiraf di peringkat **global** dalam membentuk **pemimpin yang bertanggungjawab** untuk perniagaan dan masyarakat. berusaha untuk **mencipta impak masyarakat** melalui pelbagai **program** yang melibatkan pelajar mereka. Inisiatif **pertama** AAGBS membangunkan **Innovative Thinkers** melalui item pengukuran **PI037**. Sumber pengukuran **PI037** merupakan bilangan projek dan kadar penglibatan pelajar **projek inovasi (Bukti 4.2.1)**. Inisiatif **pertama** AAGBS turut dibangunkan melalui item pengukuran **PI033** dan sumber pengukuran **PI033** merupakan jumlah penglibatan pelajar melalui **projek e-sport industri (Bukti 4.2.2)**. Inisiatif **kedua** AAGBS membangunkan **Responsible Leaders** melalui penetapan item **PI080** dan sumber pengukuran merupakan bilangan **program perkhidmatan pakar alumni (Bukti 4.2.3)**. Inisiatif **ketiga** AAGBS membangunkan **Global Future Talents** melalui **PI007 mobility inbound** dan item **PI008** mewakili **mobility outbound (Bukti 4.2.4)**. Sumber pengukuran merupakan **bilangan rakan kolaborasi universiti antarabangsa**. Inisiatif **ketiga** AAGBS membangunkan **Global Future Talents** dengan penetapan **PI0084** merupakan bilangan dan **program aktiviti antarabangsa/ aktiviti untuk MoU/ MoA yang aktif (Bukti 4.2.4)**. Penyemakan inisiatif strategi dilakukan oleh PTJ setiap unit untuk penambahbaikan dan memastikan keberkesanan pelaksanaan. Mesyuarat MPBHEP dan Mesyuarat Pengurusan Aktiviti Pelajar membincangkan perancangan berkaitan. Aktiviti pelajar dipantau melalui **e-Reporting** yang dikawal selia oleh BHEP, memastikan pelaporan tepat dan berstruktur. di bawah tanggungjawab BHEP dan BPJI. Pengukuran dibuat berdasarkan data pelaporan yang disimpan di dalam **PRIME (Bukti 4.2.5)**.

Pengumpulan data penglibatan pelajar atau staf di peringkat antarabangsa dikumpul dan dilaporkan menggunakan **VC's Priority Tracking** yang dikendalikan oleh OIA (**Bukti 4.2.5**). **Misi AAGBS (Agile, Inovatif, Bertanggungjawab dan Berpengetahuan Maju)** dipetakan dengan **Prinsip Ekonomi MADANI (Kemampanan, Kesejahteraan dan Daya Cipta)** seiring dengan program pembangunan pelajar. AAGBS menekankan penyelidikan untuk memajukan pengetahuan, memacu pertumbuhan ekonomi, dan menangani isu sosial. Pendekatan ini memastikan pelajar menjadi pemimpin yang responsif, beretika, berdaya maju dan menjamin kelestarian.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Bukti 4.2.1 Aktiviti Inovasi.pdf](#)
2. [B0078\\_A01\\_AB02\\_20242\\_Bukti 4.2.2 E-Sports.pdf](#)
3. [B0078\\_A01\\_AB02\\_20243\\_Bukti 4.2.3 Alumni.pdf](#)
4. [B0078\\_A01\\_AB02\\_20244\\_Bukti 4.2.4 Mobiliti Pelajar ^0 MOU.pdf](#)
5. [B0078\\_A01\\_AB02\\_20245\\_Bukti 4.2.5 Prime & VC's Tracking.pdf](#)



### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Untuk menilai keberhasilan dan impak program pembangunan yang dilaksanakan oleh pelajar AAGBS, beberapa metrik impak dapat digunakan. Setiap projek perlu direkodkan di dalam borang **Community Engagement Report (CER) / Final Project Report (FPR)** secara **online (Bukti 4.3.1)**. **Metrik kuantitatif** digunakan untuk merekod beberapa pengukuran seperti **jumlah pelajar yang terlibat (4.3.2)** dan **jumlah penerima manfaat** dari sesuatu program (**Bukti 4.3.2**). Selain daripada itu, jumlah kekerapan program dijalankan dalam jangka waktu tertentu dan kekerapan program dijalankan turut direkodkan. Terdapat spesifikasi pengukuran lain seperti **jumlah dana** yang diperolehi dan dibelanjakan untuk sesuatu projek (**Bukti 4.3.3**). **Pengukuran aktiviti** spesifik seperti **jumlah sesi latihan/bengkel, jumlah barangan diagihkan** kepada penerima sumbangan seperti makanan dan barangan lain juga **direkodkan**. Bagi memudahkan proses kerja pelaporan aktiviti pelajar secara digital - Inisiatif Data Aktiviti Pelajar (**i-DAPs**). Data yang dikumpul melibatkan maklumat pelapor, aktiviti, peserta, impak aktiviti dan gambar perlu dimasukkan dan dimuat naik ke dalam **e-Reporting** untuk pelaporan penuh aktiviti pelajar (**Bukti 4.3.1**). Data ini digunakan untuk pelaporan, dibentang serta dibincang dalam MPBHEP empat kali setahun dan MPD pada setiap bulan.

Pengukuran pencapaian program khidmat Masyarakat yang dilaksanakan oleh pelajar AAGBS turut direkodkan melalui **Metrik kualitatif**. **Metrik kualitatif** digunakan untuk merekod survey kepuasan pelajar yang terlibat dan penerima manfaat terhadap program yang dijalankan serta Mengumpulkan **testimoni** dan **ulasan dari peserta** dan **penerima manfaat** untuk memahami dampak program pada kehidupan mereka. Metrik kualitatif juga merangkumi penilaian perubahan pengetahuan dan kesedaran seperti Penilaian Pra dan Pasca Program untuk mengukur peningkatan pengetahuan atau kesedaran mengenai isu tertentu (misalnya kesihatan, kelestarian alam). Metrik kualitatif juga digunakan untuk kajian kes mendalam terhadap individu atau kelompok tertentu untuk mengkaji impak jangka panjang program (**Bukti 4.3.2**).

Pengukuran impak sosial dan ekonomi turut direkodkan di dalam borang **CER/FPR**. Misalnya, perubahan dalam kualiti hidup seperti mengukur perubahan dalam kualiti hidup penerima manfaat, seperti peningkatan akses kepada pendidikan, kesihatan, atau pendapatan. Selain daripada itu, terdapat Indikator Kesejahteraan yang digunakan untuk tingkat kesihatan, kebahagiaan, dan stabiliti ekonomi penerima manfaat. Terdapat pengukuran nilai mampan terhadap pencapaian program yang memberi kesan kepada masyarakat sepadan dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) (Bukti 4.3.4)**.

Pengukuran **impak program (Bukti 3.4.5)** juga menggunakan metrik proses efisiensi pengurusan bagi melihat mengukur waktu yang diambil untuk merencanakan dan melaksanakan program. Ini termasuk penggunaan sumber daya bagi menilai efisiensi penggunaan sumber daya, termasuk tenaga kerja dan material. Selain daripada itu, **jumlah kolaborasi** dengan NGO juga direkodkan sekiranya perlu bagi mengukur jumlah **NGO atau organisasi lain**. Bagi mengukur peningkatan kemahiran pelajar, penilaian kemahiran dalam bidang tertentu diukur melalui **self-assessment** atau **penilaian oleh mentor (Bukti 4.3.5)**. Pelajar turut diberi **sijil penghargaan (Bukti 4.3.5)** di atas keberjayaan sesuatu projek. Pelajar turut dinilai kepimpinan dan keupayaan berorganisasi serta kemampuan pelajar dalam merancang dan melaksanakan projek melalui rubrik penilaian yang spesifik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_A01\\_AB03\\_20241\\_Bukti 4.3.1 Borang Final Yr Project.pdf](#)
2. [B0078\\_A01\\_AB03\\_20242\\_Bukti 4.3.2 Metrik Kuantatif.pdf](#)
3. [B0078\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Bukti 4.3.3 Jumlah Dana.docx.pdf](#)
4. [B0078\\_A01\\_AB03\\_20244\\_Bukti 4.3.4 SDG.pdf](#)

5. [B0078\\_A01\\_AB03\\_20245\\_Bukti 4.3.5 Impak Program ^0 E -Cert.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**AAGBS** menjalankan sesi pemantauan berkala melalui laporan, perjumpaan pelajar, dan penilaian berterusan, serta merekod aktiviti mengikut **PI** yang ditetapkan. **PI033** mengukur bilangan pelajar yang terlibat dalam industri **E-Sports**, manakala **PI037** mengukur bilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti **penciptaan dan inovasi**. Kedua-dua penunjuk ini menjejaki penglibatan pelajar dalam aktiviti berkaitan. **TNC HEP** menyelia pencapaian **PI** tersebut sebagai **Pengarah Utama (Bukti 4.4.1.1)** memastikan usaha selaras dengan objektif universiti, manakala **BHEP** bertindak sebagai **Pemilik PI** dan melaksanakan strategi untuk mencapai sasaran. Dalam **BHEP**, individu yang ditugaskan untuk mengurus **PI** ini **Pemilik PSTU** Untuk memastikan pencapaian **PI** direkodkan dengan tepat, universiti menggunakan **Sistem Smart HEP (Bukti 4.4.1.2)** platform dalam talian yang mengurus dan menjejaki prestasi, termasuk data bilangan pelajar dalam industri E-Sports dan Inovasi, sebagai sumber rujukan utama untuk pemantauan dan pelaporan. **AR atau EO** dari **HEP** bertanggungjawab sebagai **PTJ Updater** untuk mengemas kini data aktiviti pelajar ke dalam **Sistem Smart HEP**. Manakala **TNC HEP dan BHEP** memantau dan menilai pencapaian **PI** secara berkala, memastikan tindakan diambil untuk sebarang kekurangan dan melaporkan prestasi untuk penilaian matlamat penglibatan pelajar.

Universiti meningkatkan penglibatan alumni melalui program khidmat pakar, diselia oleh **PI080** dan dipantau oleh **TNC ICAN** sebagai **Pengarah Utama**. **ICAN**, sebagai pemilik penunjuk ini, merancang dan melaksanakan program, sementara individu di **ICAN** bertindak sebagai **Pemilik PSTU**. **Sistem Smart (Bukti 4.4.1.3)** digunakan untuk merekod dan mengurus pencapaian **PI080**, dengan **Koordinator ICAN** mengemas kini data. **TNC ICAN dan ICAN** memantau kemajuan dan memastikan program mencapai sasaran. Data dalam **Sistem Smart** dikaji secara berkala untuk menilai keberkesanan program dan memastikan matlamat universiti tercapai.

Universiti menetapkan **PI084** untuk menjejaki bilangan program antarabangsa di bawah **MoU atau MoA aktif**. **TNC A&A** menyelia **PI084**, manakala **UiTM Global (Bukti 4.4.1.4)** merancang dan melaksanakan program antarabangsa sebagai **Pemilik PI**. Individu di **UiTM Global** bertindak sebagai **Pemilik PSTU**. Data bagi **PI084 diekstrak** daripada **VC's Tracking Report** dan direkod dalam sistem, dengan setiap program antarabangsa di bawah **MoU atau MoA aktif** dicatat. **LO UiTM Global** sebagai **PTJ Updater** mengemas kini data, manakala **TNC A&A dan UiTM Global** memantau pencapaian sasaran. Data dikaji secara berkala untuk menilai keberkesanan program dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_Bukti 4.4.1.1 TNC HEP.pdf](#)
2. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_Bukti 4.4.1.2 Sistem SMART.pdf](#)
3. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_Bukti 4.4.1.3 Sistem SMART ICAN.pdf](#)
4. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20244\\_Bukti 4.4.1.4 UiTM GLOBAL.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengenalpastian risiko adalah penting untuk mengenal pasti dan menguruskan sebarang isu yang mungkin timbul sepanjang program. Penilaian risiko awal seperti melakukan penilaian risiko awal untuk mengenal pasti potensi masalah yang mungkin dihadapi. Ini termasuk risiko keselamatan, risiko kewangan, dan risiko reputasi. Pihak AAGBS turut membangunkan strategi mitigasi untuk menangani risiko yang dikenal pasti. **Metrik kuantitatif dengan skala tahap risiko (Bukti 4.4.2.4)** digunakan untuk mengukur tahap risiko dan dilaporkan dalam **Laporan eREMS (Bukti 4.4.2.1)**. **Risiko kelewatan dalam menandatangani MoU (Tahap Ekstrem)** dengan institusi antarabangsa boleh memberi impak negatif terhadap usaha AAGBS dalam menghasilkan **Innovative Leaders, Global Future Talents, dan Responsible Leaders**. Kelewatan ini menghalang pelaksanaan segera aktiviti kerjasama antarabangsa yang penting untuk memberi pendedahan global kepada pelajar. Selain itu, ia boleh menyebabkan institusi antarabangsa melihat UiTM sebagai kurang serius, yang berpotensi mengurangkan minat mereka untuk berkolaborasi. Akibatnya, peluang untuk pelajar dan fakulti AAGBS terlibat dalam jaringan antarabangsa yang kritikal bagi pembangunan pemimpin yang inovatif dan bertanggungjawab mungkin terjejas (**Bukti 4.4.2.2**). Risiko kedua merupakan kekurangan pelajar terlibat di dalam program pertukaran pelajar ke luar negara. Masalah mendapat kebenaran Majikan, masalah kewangan dan kelulusan Visa merupakan punca pelajar tidak dapat melibatkan diri dalam program pertukaran pelajar (**Bukti 4.4.2.3**).

Selain daripada itu, menyediakan insurans perjalanan untuk pelajar yang menyertai program luar negara. Risiko berkaitan ketidak hadirannya pelajar ke program yang telah ditetapkan. Risiko berkaitan masalah cuaca dan tanah runtuh sepanjang perjalanan ke tapak projek. Penggunaan e-Reporting mungkin tidak digunakan sepenuhnya untuk pengumpulan data. Tindakan seperti pemakluman melalui laman web, e-mel, dan WhatsApp, serta memuat naik instrumen ke laman **BHEP AAGBS** diambil untuk memastikan penyebaran instrumen kepada pengguna

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Bukti 4.4.2.1 eRMS.pdf](#)
2. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_Bukti 4.4.2.2 RISIKO MOU.pdf](#)
3. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_Bukti 4.4.2.2 Risiko Stud Exchange.pdf](#)
4. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20244\\_Bukti 4.4.2.4 Skala Tahap Risiko.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**AAGBS** menjalankan sesi pemantauan berkala melalui laporan, perjumpaan pelajar, dan penilaian berterusan, serta merekod aktiviti mengikut **PI** yang ditetapkan. **PI033** mengukur bilangan pelajar yang terlibat dalam industri **E-Sports**, manakala **PI037** mengukur bilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti **penciptaan dan inovasi**. Kedua-dua penunjuk ini menjejaki penglibatan pelajar dalam aktiviti berkaitan. **TNC HEP** menyelia pencapaian **PI** tersebut sebagai **Pengarah Utama (Bukti 4.4.1.1)** memastikan usaha selaras dengan objektif universiti, manakala **BHEP** bertindak sebagai **Pemilik PI** dan melaksanakan strategi untuk mencapai sasaran. Dalam **BHEP**, individu yang ditugaskan untuk mengurus **PI** ini **Pemilik PSTU** Untuk memastikan pencapaian **PI** direkodkan dengan tepat, universiti menggunakan **Sistem Smart HEP (Bukti 4.4.1.2)** platform dalam talian yang mengurus dan menjejaki prestasi, termasuk data bilangan pelajar dalam industri E-Sports dan Inovasi, sebagai sumber rujukan utama untuk pemantauan dan pelaporan. **AR atau EO** dari **HEP** bertanggungjawab sebagai **PTJ Updater** untuk mengemas kini data aktiviti pelajar ke dalam **Sistem Smart HEP**. Manakala **TNC HEP dan BHEP** memantau dan menilai pencapaian **PI** secara berkala, memastikan tindakan diambil untuk sebarang kekurangan dan melaporkan prestasi untuk penilaian matlamat penglibatan pelajar.

Universiti meningkatkan penglibatan alumni melalui program khidmat pakar, diselia oleh **PI080** dan dipantau oleh **TNC ICAN** sebagai **Pengarah Utama**. **ICAN**, sebagai pemilik penunjuk ini, merancang dan melaksanakan program, sementara individu di **ICAN** bertindak sebagai **Pemilik PSTU**. **Sistem Smart (Bukti 4.4.1.3)** digunakan untuk merekod dan mengurus pencapaian **PI080**, dengan **Koordinator ICAN** mengemas kini data. **TNC ICAN dan ICAN** memantau kemajuan dan memastikan program mencapai sasaran. Data dalam **Sistem Smart** dikaji secara berkala untuk menilai keberkesanan program dan memastikan matlamat universiti tercapai.

Universiti menetapkan **PI084** untuk menjejaki bilangan program antarabangsa di bawah **MoU atau MoA aktif**. **TNC A&A** menyelia **PI084**, manakala **UiTM Global (Bukti 4.4.1.4)** merancang dan melaksanakan program antarabangsa sebagai **Pemilik PI**. Individu di **UiTM Global** bertindak sebagai **Pemilik PSTU**. Data bagi **PI084 diekstrak** daripada **VC's Tracking Report** dan direkod dalam sistem, dengan setiap program antarabangsa di bawah **MoU atau MoA aktif** dicatat. **LO UiTM Global** sebagai **PTJ Updater** mengemas kini data, manakala **TNC A&A dan UiTM Global** memantau pencapaian sasaran. Data dikaji secara berkala untuk menilai keberkesanan program dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_Bukti 4.4.1.1 TNC HEP.pdf](#)
2. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_Bukti 4.4.1.2 Sistem SMART.pdf](#)
3. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_Bukti 4.4.1.3 Sistem SMART ICAN.pdf](#)
4. [B0078\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20244\\_Bukti 4.4.1.4 UiTM GLOBAL.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi memastikan bahawa semua elemen program dihubungkan dan berfungsi bersama dengan lancar. Sistem Pengurusan Bersepadu menggunakan sistem pengurusan yang bersepadu untuk menyelaraskan semua aspek program, dari perancangan hingga pemantauan dan kajian semula. Sistem AAGBS mengumpul dan menganalisis data dengan berkesan untuk memastikan data relevan direkod dan dilaporkan. Pada masa ini AAGBS menggunakan **media elektronik** dan **bukan elektronik** untuk penyebaran dan penyampaian maklumat kepada pengurusan dan pelajar (**Bukti 4.5.1**). Penambahbaikan instrumen dilakukan secara berperingkat, dengan penggunaan yang diperluas dan diintegrasikan ke bahagian dan unit di **PTJ AAGBS (Bukti 4.5.2)**. Cadangan penambahbaikan melibatkan integrasi **e-Reporting** dan **sistem PRIME** untuk mengumpul data aktiviti pelajar program inovasi dan komuniti. Bermula tahun 2023, surat kelulusan aktiviti pelajar akan menyertakan klausa dan kod QR sistem **Prime Menu Star Rating (Bukti 4.5.3)** serta kod QR E-Reporting. Penambahbaikan ini bertujuan memastikan pelaporan aktiviti pelajar yang lebih berkesan dan menyokong pencapaian **Strategy MyRA G6 (Bukti 4.5.4)**. AAGBS mengadakan kolaborasi antara fakulti bagi memastikan kolaborasi yang baik antara fakulti dan jabatan untuk mendukung program-program pelajar dan memastikan **sinergi** dalam pelaksanaan program dan ini bertepatan dengan konsep **Ekonomi MADANI** yang di sarankan oleh Kerajaan Malaysia. Mewujudkan **sinergi** antara program akademik, pembangunan kemahiran, dan penglibatan komuniti untuk memastikan pelajar mendapat pengalaman yang menyeluruh dan seimbang (**Bukti 4.5.5**)

#### SENARAI BUKTI :

1. [B0078\\_A01\\_AB05\\_20241\\_Bukti 4.5.1 Perkongsian maklumat.pdf](#)
2. [B0078\\_A01\\_AB05\\_20242\\_Bukti 4.5.2 PTJ AAGBS.pdf](#)
3. [B0078\\_A01\\_AB05\\_20243\\_Bukti 4.5.3 Prime Star Rating.pdf](#)
4. [B0078\\_A01\\_AB05\\_20244\\_Bukti 4.5.4 MyRA 6G.pdf](#)
5. [B0078\\_A01\\_AB05\\_20245\\_Bukti 4.5.5 Prinsip Ekonomi MADANI.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **5.1 Ringkasan Eksekutif**

Peranan sumber manusia AAGBS sangat penting dalam membentuk sebuah pengurusan dan pembangunan pelajar demi memastikan pencapaian terbaik mereka dalam bidang akademik dan pembangunan diri. AAGBS memfokuskan kepada tiga (3) pendekatan utama iaitu ***Inovative Thinkers, Responsible Leaders Global Future Leaders*** bagi mencapai inisiatif berkaitan. Pelan strategik AAGBS (2021-2025) mentakrifkan semula **Visi AAGBS** untuk menjadi sekolah perniagaan siswazah yang diiktiraf di peringkat global dalam membentuk pemimpin yang bertanggungjawab untuk perniagaan dan Masyarakat. **AAGBS pelan strategik 2021-2025** dipetakan bersama pelan **Ekonomi MADANI (Kemampanan, Kesejahteraan dan Daya Cipta)** dijadikan panduan utama dalam inisiatif berkaitan. Perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan Tindakan penambahbaikan sentiasa diambil kira oleh pengurusan AAGBS melibatkan semua proses utama Pembangunan sumber manusia.

Kakitangan kompeten di universiti menghasilkan impak besar terhadap pengurusan dan pembangunan pelajar. Interaksi yang baik antara pensyarah, kakitangan sokongan terhadap pelajar secara efektif dan inspirasi bagi membentuk kejayaan pelajar dalam pelbagai aspek akademik dan kepimpinan. Model pengurusan dan pembangunan strategik sumber manusia di AAGBS menggunakan pendekatan PDCA merupakan sebuah pembangunan yang komprehensif bagi memastikan keberhasilan dan peningkatan dalam pengurusan sumber manusia.

Inisiatif yang telah dirancang (**PLAN**) oleh AAGBS menunjukkan komitmen kepada peningkatan sumber manusia dan pengembangan organisasi secara menyeluruh demi mencapai hasrat visi AAGBS. Dengan memperkuat struktur organisasi, pemberdayaan bakat dan kompetensi staf, serta membentuk budaya kerja berprestasi tinggi, AAGBS berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam pembangunan pelajar dan sekaligus prestasi organisasi.

Pelaksanaan (**DO**) program “Mau’izah” adalah inisiatif penting memastikan staf AAGBS dapat membina jati diri berdasarkan kepakaran masing-masing. Para pensyarah dipantau (**CHECK**) oleh pihak pengurusan bagi memastikan tahap sumber manusia sesuai, kualiti dan menjalankan penstrukturan semula diperlukan untuk mencapai kejayaan organisasi demi mencapai visi AAGBS.

Inisiatif **Kelab Sosial di AAGBS** merupakan langkah positif untuk membina budaya kerja berkualiti dan meningkatkan rasa kebersamaan dalam kalangan warga organisasi. Perancangan dilaksanakan dan dipantau melalui mesyuarat utama seperti JKAP dan JAF serta mesyuarat-mesyuarat jabatan. Perbincangan dan hasil mesyuarat akan diambil tindakan untuk tujuan penambahbaikan (**ACT**).

AAGBS menghargai usaha dan penglibatan staf usaha dan penglibatan staf yang menyumbang tenaga dan kepakaran dengan menyediakan **Majlis Apresiasi, Program Retreat Fakulti, Insentif Penyelidikan, kelulusan menghadiri dan membenteng kertas kerja dalam dan luar negara**. Keseluruhan inisiatif penghargaan mendorong prestasi, inovasi, dan penglibatan aktif staf dalam pelbagai aspek universiti demi mencapai keberhasilan yang ditetapkan.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### 5.2 PENDEKATAN

Fakulti AAGBS memanfaatkan peranan strategik sumber manusia untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar mencapai tahap cemerlang, terutama dalam membentuk ***Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Leaders***. Pendekatan ini memastikan pelajar AAGBS dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk bersaing dalam persekitaran global.

Untuk mencapai *Innovative Thinkers*, AAGBS melibatkan staf akademik yang berkaliber dalam merancang dan melaksanakan kurikulum yang menekankan pemikiran kritis dan inovatif. Program seperti bengkel dan pertandingan inovasi disediakan untuk memacu pelajar menghasilkan idea baharu. Di samping itu, sumber manusia memainkan peranan penting dalam memastikan para pensyarah dan fasilitator diberi latihan yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran inovatif mereka **(bukti 5.2.1)**.

Bagi melahirkan *Responsible Leaders*, Fakulti AAGBS menekankan latihan kepimpinan yang bertanggungjawab. Sumber manusia bertanggungjawab dalam merekrut dan melatih staf yang bukan sahaja pakar dalam bidang masing-masing tetapi juga mampu menjadi mentor kepada pelajar. Modul pembangunan karakter dan aktiviti khidmat masyarakat diurus dengan teliti bagi memastikan penyampaian program yang berkesan dan relevan dengan keperluan semasa **(bukti 5.2.6)**.

Dalam usaha membentuk ***Global Future Leaders***, AAGBS telah melibatkan tenaga pengajar berpengalaman dalam program mobiliti pelajar antarabangsa dari 2019 hingga 2022. Staf akademik dipilih untuk mengajar kursus-kursus kritikal seperti Business Research Method (BRM701), Strategic Marketing Management (MKT761), Global Business Strategy (GBI795), Knowledge Management and Business Intelligence (MGT784), dan Strategic Management (MGT790), yang merupakan komponen penting dalam pendidikan global **(bukti 5.2.5)** membuktikan komitmen AAGBS dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar antarabangsa.

Selain itu, **pelantikan staf akademik** sebagai **penyelia pelajar inbound** turut memainkan peranan penting dalam inisiatif ***Global Future Leaders***. Staf yang terlibat dalam penyelidikan antarabangsa dan program mobiliti staf dipilih untuk memastikan pelajar dalam program Dual Master menerima bimbingan yang memenuhi standard antarabangsa. Hingga kini, sebanyak 10 staf telah menjalankan penyeliaan bersama **(bukti 5.2.5)**.

Di samping itu, ahli akademik di AAGBS juga terlibat dalam aktiviti tambahan seperti kehadiran profesor pelawat, ceramah kepimpinan, dan ceramah industri, yang memperkayakan pengalaman pelajar dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran global dengan perspektif yang lebih luas **(bukti 5.2.6)**

Kesemua pendekatan ini disokong oleh pengurusan sumber manusia yang teliti. Proses pengambilan dan pembangunan staf dilaksanakan dengan sistem yang telus, memastikan hanya individu yang berkelayakan dan komited tinggi diambil bekerja di AAGBS. **Sistem penilaian prestasi yang berterusan** dan **program pembangunan profesional** memastikan staf berada pada tahap terbaik, memberi **impak positif** kepada **pencapaian akademik dan pembangunan diri pelajar**.



Secara keseluruhannya, pendekatan yang diambil oleh Fakulti AAGBS, dengan sokongan kuat sumber manusia, memastikan pencapaian matlamat strategik dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik serta bersedia menjadi pemimpin bertanggungjawab dan berdaya saing di peringkat global.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_S01\\_SB02\\_20241\\_5.2.1 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
2. [B0078\\_S01\\_SB02\\_20242\\_5.2.2 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
3. [B0078\\_S01\\_SB02\\_20243\\_5.2.3 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
4. [B0078\\_S01\\_SB02\\_20244\\_5.2.4 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
5. [B0078\\_S01\\_SB02\\_20245\\_5.2.5 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)

## 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### 5.3 PERLUASAN

AAGBS sentiasa mengutamakan **pemeriksaan bakat stafnya** untuk memastikan pencapaian objektif universiti, terutamanya dalam pembangunan pelajar, komuniti, dan industri. Dengan memiliki 33 staf akademik yang berkelayakan PhD, 8 staf yang berpangkat Profesor, dan 14 staf Profesor Madya (**bukti 5.2.1**), AAGBS telah menetapkan langkah-langkah strategik dalam memperkasakan bakat staf melalui pelbagai inisiatif.

Pemeriksaan bakat di AAGBS dirancang dengan teliti melalui program mobiliti staf, yang merangkumi aktiviti seperti **co-teaching, pelantikan sebagai pensyarah pelawat, dan penyertaan dalam program sangkutan penyelidikan di dalam dan luar negara**. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kepakaran staf, tetapi juga memperkukuh hubungan dua hala antara AAGBS dengan universiti yang mempunyai Memorandum of Agreement (MoA) dan Memorandum of Understanding (MoU) (**bukti 5.4.3.1**).

Staf akademik AAGBS juga memainkan peranan penting sebagai pakar penasihat kepada industri, termasuk sektor perbankan dan takaful di Malaysia. Penglibatan ini tidak hanya mengukuhkan hubungan antara akademia dan industri tetapi juga memastikan bahawa kepakaran staf diiktiraf dan dimanfaatkan sepenuhnya (**bukti 5.3.2**).

Dengan kehadiran staf yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi, AAGBS berupaya untuk mencapai objektif penarafan yang ditetapkan dalam pelan strategik universiti. Salah satu inisiatif penting yang dijalankan adalah program sarjana berkembar yang melibatkan kerjasama antara AAGBS dan universiti antarabangsa. Untuk memastikan kelancaran program ini, AAGBS telah melantik unit Jaringan Industri dan Antarabangsa (JIA) yang diketuai oleh Dr. Arlinah Abd. Rashid, dengan bantuan Dr. Azlina Hanif serta tiga staf pentadbiran lain (**bukti 5.3.3 dan 5.3.3.1**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_S01\\_SB03\\_20241\\_5.3.2 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
2. [B0078\\_S01\\_SB03\\_20242\\_5.3.3 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
3. [B0078\\_S01\\_SB03\\_20243\\_5.3.3.1 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
4. [B0078\\_S01\\_SB03\\_20244\\_Visiting Profesor - AAGBS - Prof. Dr. Kabir Hassan.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

## **5.4 PEMBELAJARAN**

### **5.4.1 PEMANTAUAN**

Pengurusan sumber manusia bertanggungjawab menjaga dan memelihara kepuasan hati dan kegembiraan staf dengan menyediakan beberapa inisiatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan tahap kepuasan maklum balas staf.

#### **5.4.1.1 E-Aduan**

Sistem e-aduan merupakan salah satu platform penting yang digunakan oleh AAGBS untuk menguruskan aduan secara dalam talian. Sistem ini dikawal oleh moderator e-aduan dari Unit Komunikasi AAGBS dan boleh diakses melalui laman sesawang AAGBS (bukti 5.4.1.1). Sistem e-aduan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti kerja dengan memastikan setiap aduan yang diterima disalurkan kepada bahagian atau unit yang berkaitan. Setiap aduan yang diterima akan diambil tindakan dalam tempoh masa lima hari bekerja, memastikan tindak balas yang cepat dan efisien terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh staf.

#### **5.4.1.2 Pengurusan Rekod dan Data**

Pengurusan sumber manusia di AAGBS juga memastikan penglibatan staf dalam pelbagai aktiviti direkod dan dipantau melalui database template yang disediakan. Ini membolehkan AAGBS memantau dan mengemas kini penglibatan staf dalam penganjuran aktiviti di fakulti dan dengan pihak luar. Kaedah ini membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti staf yang terlibat dalam lantikan luar, penyelidikan, dan konsultasi. Penglibatan ini berpotensi mewujudkan kolaborasi dan kerjasama yang dapat memperkukuhkan program akademik di AAGBS, selain mengangkat reputasi fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa (e-failing)

#### **5.4.1.3 Kajian Indeks Kegembiraan UiTM 3.0 (UHI 3.0)**

Kajian Indeks Kegembiraan UiTM 3.0 adalah inisiatif yang dijalankan di seluruh UiTM untuk mengukur tahap kegembiraan staf akademik dan pentadbiran. Di AAGBS, pengumpulan data untuk kajian ini telah dijalankan pada tahun 2020 dengan borang kaji selidik diedarkan secara atas talian. Hasil kajian menunjukkan bahawa AAGBS mencapai tahap kegembiraan 79%, lebih tinggi daripada purata UiTM yang berada pada 73%. Ini menunjukkan bahawa staf di AAGBS berasa puas hati dengan persekitaran kerja mereka, dengan penglibatan staf mencapai 100%, mencatatkan penyertaan tertinggi dalam UiTM (bukti 5.4.1.3).

Secara keseluruhannya, pendekatan pemantauan yang diambil oleh AAGBS dalam mengurus sumber manusia memastikan bahawa kepuasan hati dan kegembiraan staf sentiasa dipertingkatkan. Inisiatif seperti e-aduan, pengurusan rekod penglibatan staf, dan kajian indeks kegembiraan merupakan alat penting yang membantu AAGBS mengekalkan tahap kepuasan yang tinggi, yang seterusnya menyumbang kepada keberhasilan program akademik dan pembangunan staf di fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_5.4.1.1 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
2. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_5.4.1.3 Lampiran Tumpuan Sumber Manusia.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

### **5.4.2 PENGURUSAN RISIKO**

Pengurusan risiko merupakan salah satu aspek pengurusan yang penting untuk memastikan kualiti kepuasan hati sumber manusia dapat diatasi dengan sistematik. Justeru, menjadi keutamaan kepada AAGBS untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem risiko yang berkesan untuk mendepani isu-isu sumber manusia yang terlibat dalam aspek JIA bagi pengurusan dan pembangunan pelajar. Risiko sumber manusia yang terlibat bagi program mobiliti dan pertukaran pelajar untuk sarjana berkembar (bukti 5.4.1.3).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_Lampiran 5.4.2.1.pdf](#)
2. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_Laporan eRMS\\_240813\\_154216.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan risiko merupakan elemen penting dalam memastikan kualiti kepuasan sumber manusia di AAGBS dijaga dengan baik, khususnya dalam aspek JIA (Jaminan Kualiti Akademik). AAGBS menekankan kepentingan penambahbaikan sistem risiko bagi menghadapi cabaran dalam program mobiliti dan pertukaran pelajar untuk sarjana berkembar. Pengurusan risiko ini menjadi keutamaan bagi memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dilaksanakan dengan lancar.

Untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, pihak pengurusan AAGBS sentiasa memberi perhatian kepada aspek keselesaan, kesihatan, dan keselamatan. Penambahbaikan ini dilakukan melalui mesyuarat akademik yang diadakan setiap semester, di mana sebarang ketidakpuasan hati warga AAGBS mengenai persekitaran kerja ditangani dengan cepat. AAGBS percaya bahawa suasana kerja dan pembelajaran yang selesa membantu meningkatkan semangat kerja dan belajar, serta memupuk budaya positif di kalangan staf dan pelajar.

Beberapa langkah telah diambil untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif, termasuk menyediakan bilik kecemerlangan yang selesa, menaiktaraf bilik kuliah dengan perabot baru dan teknologi hybrid, serta memperbaiki ruang legar dengan kemudahan seperti TV, sudut bacaan, dan internet. Langkah-langkah ini bukan sahaja meningkatkan keselesaan, tetapi juga membantu melancarkan proses pembelajaran dan aktiviti di fakulti.

Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan cemerlang, AAGBS juga menggalakkan penglibatan ahli akademik dalam aktiviti pengantarabangsaan. Antara aktiviti yang melibatkan staf akademik termasuk Cross Appointment, sabbatical, profesor pelawat, sarjana pelawat, dan Seconded Researcher di universiti luar negara. Penglibatan ini memperkukuh keupayaan staf dalam menyumbang kepada transformasi fakulti.

Selain itu, pengurusan prestasi, pengiktirafan, dan ganjaran terus dilaksanakan untuk memotivasi staf, dengan tujuan meningkatkan prestasi dan akauntabiliti melalui penilaian keberhasilan serta penyediaan ganjaran dan pengiktirafan yang sewajarnya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
2. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_Lampiran 5.4.3.2.pdf](#)
3. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20243\\_Lampiran 5.4.3.3.pdf](#)
4. [B0078\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20244\\_Bukti 5.4.3.4 Senarai Ahli Akademik terlibat dalam Aktiviti Antarabangsa 2023.pdf](#)
- 5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

### 5.5 INTEGRASI

Pengurusan sumber manusia merupakan bahagian penting dalam satu-satu organisasi dan dianggap sebagai pemangkin dan penggerak kepada kesejahteraan dan kejayaan organisasi. AAGBS menghargai segala sumbangan dan pengorbanan yang dicurahkan kepada kecemerlangan fakulti. Galakan dan dorongan untuk menaikkan nama AAGBS diterapkan dalam hati warga untuk menjayakan matlamat ini. Pelbagai penghargaan dan pengiktirafan telah disenaraikan sebagai pencapaian fakulti dan pelbagai anugerah diberikan kepada warga staf secara berkumpulan atau individu yang telah berbakti menyumbang kepada kejayaan ini. Lampiran 5.5.1 menunjukkan kejayaan dicapai oleh fakulti.

Penghargaan dan pemberitahuan sebarang aktiviti atau kejayaan untuk makluman warga AAGBS disalurkan terus melalui medium WhatsApp AAGBS Family. Hanya unit komunikasi korporat mempunyai capaian dan boleh menyalurkan sebarang informasi ke dalam laman web, instagram dan facebook AAGBS. Ianya boleh dicapai melalui <https://www.facebook.com/aagbs.official>. Pelbagai aktiviti dan kejayaan berkaitan warga AAGBS seperti kenaikan pangkat, lantikan pakar bersama industri, pemerolehan geran kajian dan kejayaan Alumni dikongsikan dan ini menjadikan ketampakan sumber manusia AAGBS dalam kalangan warga UiTM dan pelayar internet secara amnya.

Pihak pengurusan AAGBS juga membudayakan amalan meraikan warga yang mendapat kenaikan pangkat, bersara, mendapat perkhidmatan cemerlang, dan jamuan hari raya. Ahli Jawatankuasa Kelab Kebajikan Staf AAGBS yang dilantik oleh pihak pengurusan untuk tempoh tertentu merancang aktiviti dan mendapatkan sumber kewangan daripada warga AAGBS sendiri. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), majlis Apresiasi dan program *teambuilding* antara bentuk sokongan yang dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti warga yang akan menyumbang kepada pembangunan dan pengurusan pelajar AAGBS.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_S01\\_SB05\\_20241\\_Lampiran 5.5.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **TUMPUAN 6 - TUMPUAN KEPADA OPERASI**

##### **6.1 Ringkasan Eksekutif**

Pengurusan dan Pembangunan Pelajar di AAGBS merupakan tumpuan utama yang berorientasikan kepada pembentukan pelajar yang cemerlang dalam akademik, kepimpinan, dan kemahiran global. Ini adalah selaras dengan aspirasi universiti untuk melahirkan graduan yang mampu berfikir secara inovatif, memimpin dengan bertanggungjawab, dan bersaing di peringkat global. Untuk mencapai matlamat ini, AAGBS telah memperkenalkan tiga inisiatif keberhasilan utama: ***Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Talents.***

Untuk memantapkan hubungan antara fakulti dan industri ialah menjalin kerjasama dengan menandatangani beberapa perjanjian persefahaman bersama (MoU) antara fakulti dan industri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan, penyelidikan, konsultasi, mobiliti secara berkala bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai PI yang telah ditetapkan.

Setiap proses operasi program bersandarkan kepada model Plan, Do, Check, Action, (PDCA) dan berdasarkan elemen Approach, Deployment, Learning dan Integration (ADLI). Kesyukuran PDCA dan ADLI dalam pelaksanaan program adalah untuk memastikan program pengurusan dan pembangunan pelajar melalui sarjana berkembar dijalankan dengan mantap dan mampu memberikan impak tersendiri.

**Perancangan** meliputi penepatan program berasaskan inisiatif strategik JIA iaitu program mobiliti pelajar bagi melahirkan kepimpinan peringkat global seperti dalam keberhasilan *Global Future Leaders*. **Pelaksanaan** program mobiliti pelajar sarjana berkembar AAGBS inbound dan outbound berteraskan konsep *future leaders*. JIA bekerja keras memastikan pelaksanaan program pertukaran pelajar ke HFT Stuttgart bermula dari tahun 2013 dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) pada tahun 2012. MoU ini adalah sejajar dengan amanat Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2012 yang memberi tumpuan kepada penghasilan graduan yang "Berfikiran Global, Bertindak Lokal". Kejayaan program pertukaran pelajar ini diikuti pula oleh program sarjana berkembar pada tahun 2016.

**Pemantauan** program yang dilaksanakan berdasarkan PI yang dilakukan oleh pihak JIA sendiri kemudiannya melaporkan kepada pihak pengurusan fakulti AAGBS. **Tindakan penambahbaikan** berdasarkan **penilaian risiko** oleh jawatankuasa yang telah dilantik oleh pihak pengurusan AAGBS. Manakala, bagi pencapaian akademik penambahbaikan berterusan adalah berdasarkan kepada Laporan SUFO bagi **penilaian prestasi pensyarah** dan Laporan CDL-CQI bagi pencapaian akademik pelajar. Jawatankuasa Pelaksana bersama bagi program dan aktiviti melibatkan **kolaborasi bersama pihak luar** turut ditubuhkan bagi **membincang dan menyelesaikan** isu serta permasalahan yang berlaku.

Aktiviti yang dijalankan berpotensi melonjakkan nama AAGBS dan memberi impak besar bagi melahirkan mahasiswa madani yang holistik. Rentetan daripada program tersebut dapat membantu merealisasikan keberhasilan utama iaitu, *Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Leaders*.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### 6.2 PENDEKATAN

AAGBS telah mengenal pasti proses utama yang menyokong pencapaian objektif strategik dan pelaksanaan inisiatif strategik JIA. Proses utama ini berdasarkan kepada prosedur operasi jaringan industri AAGBS. Beberapa KPI telah ditetapkan seperti di bawah. Proses ini dikawal selia oleh pegawai bertanggungjawab (PIC) yang dilantik terdiri daripada Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Antarabangsa dan dibantu oleh Koordinator Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa. Unit JIA AAGBS secara proaktif menggariskan pendekatan tertentu untuk memastikan program mobiliti pelajar sarjana berkembar AAGBS yang terdiri daripada inbound dan outbound berjalan dengan baik (bukti 6.2.1)

Bagi memantapkan perjalanan program mobiliti pelajar, model PDCA digunakan di setiap program (bukti 6.2.2). Bagi memastikan program mobiliti pelajar dijalankan dengan jayanya, pihak pengurusan dan warga AAGBS sentiasa memberikan sokongan kepada setiap aktiviti yang dijalankan. Ini bertujuan pengurusan dan pembangunan pelajar dapat mencapai matlamat 90 peratus kebolehpasaran graduan dengan sasaran khusus sebanyak 10 peratus bagi mereka yang mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan global. Oleh itu, operasi **proses pengurusan kelulusan program, proses kelulusan MoU/MoA dan pengurusan data yang sistematik dirancang dengan teliti.**

Selain itu, kepuasan hati pelanggan turut dinilai mencakupi objektif pendekatan operasi untuk memastikan keberkesanan program dilaksanakan (bukti 6.2.3 & 6.2.4). AAGB telah memulakan inisiatif **Online File Sharing System** bagi memastikan perkongsian maklumat secara setempat bagi tujuan memastikan integrasi dan pelarasan tindakan dan keputusan (Bukti 6.2.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_O01\\_OB02\\_20241\\_6.2.1 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
2. [B0078\\_O01\\_OB02\\_20242\\_6.2.2 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
3. [B0078\\_O01\\_OB02\\_20243\\_6.2.3 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
4. [B0078\\_O01\\_OB02\\_20244\\_6.2.4 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
5. [B0078\\_O01\\_OB02\\_20245\\_Bukti 6.2.5 AAGBS Online File Sharing System\\_Updated.docx.pdf](#)



### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses pemantapan sistematik dilaksanakan dengan berusaha meningkatkan penglibatan jaringan rakan kolaborasi dalam aktiviti yang dijalankan melalui MoU dengan pelbagai pihak. Rujuk lampiran carta alir proses permohonan MoU. Bagi memperkasakan dan meningkatkan jaringan rakan kolaborasi dan MoU, AAGBS telah mengamalkan PDCA serta menerapkan budaya perkongsian ilmu dari peringkat nasional hingga peringkat internasional melalui kolaborasi dengan pelbagai pihak.

P

- Mengoptimumkan kepakaran staf akademik AAGBS sebagai pakar rujuk dan pengiktirafan kepakaran staf akademik di peringkat nasional
- Meningkatkan jumlah MoU dan projek perundingan
- Meningkatkan jumlah jaringan kolaborasi dalam kalangan alumni, industri, agensi kerajaan dan swasta, NGO dan institusi pendidikan dalam dan luar negara

D

- Mengetengahkan kepakaran staf akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui program mobiliti ke negara-negara yang telah berlakunya MoU
- Mengadakan syarahan profesor dari kalangan rakan kolaborasi, dan mengetengahkan syarahan kepimpinan dan industri
- Mengetengahkan kepakaran pensyarah AAGBS sebagai pakar rujuk di peringkat nasional.

C

- Pendaftaran maklumat MoU dalam Sistem Pemantauan MoU lampiran 6.3.1
- Menggalakkan hubungan kerjasama strategik dengan rakan-rakan berfokus
- JKMoU membuat pelaporan aktiviti MoU dan MEU dan LPU.

A

- Membentuk jalinan kerjasama dengan organisasi dan penyelidik peringkat nasional dan antarabangsa.
- Memastikan MOU dan MOA sentiasa aktif dalam tempoh program dilaksanakan.

Hasil jangkaan dan keberhasilan daripada pemantapan proses ini telah menunjukkan jumlah aktiviti yang menyokong proses pengurusan dan pembangunan pelajar sekaligus meningkatkan jumlah MoU ( bukti 6.3.2). Bilangan staf akademik sebagai pakar rujuk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga meningkat (bukti 6.3.3).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_O01\\_OB03\\_20241\\_6.3.1 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
2. [B0078\\_O01\\_OB03\\_20242\\_6.3.2 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
3. [B0078\\_O01\\_OB03\\_20243\\_6.3.3 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
- 4.

3.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

## **6.4 PEMBELAJARAN**

### **6.4.1 PEMANTAUAN**

AAGBS mengurus sistem kerja dengan melaksanakan perancangan strategik dan penetapan prestasi utama (KPI) bagi bidang tumpuan. Untuk menambah baik sistem kerja, pihak pengurusan AAGBS telah menetapkan pelan strategik khusus bagi unit JIA yang berfokus kepada pengurusan dan pembangunan pelajar melalui program sarjana berkembar.

#### **Pembelajaran**

##### **Pemantauan**

#### **Proses pengurusan kelulusan program**

Hasil jangkaan proses pemantapan operasi dapat meningkatkan bilangan pelajar yang terlibat dengan mobiliti pelajar. Bagi meningkatkan hasil jangkaan, JIA bersama warga AAGBS berganding bahu menjayakan semua program yang dijalankan.

#### **Proses kelulusan MoU/MoA**

Pelaporan setiap aktiviti yang dijalankan akan dinilai oleh kedua-dua pihak bagi mendapatkan hasil positif daripada kerjasama yang dimeterai.

Meningkatkan hubungan baik antara AAGBS dan rakan kolaborasi dan maklum balas rakan kolaborasi dalam (bukti 6.4.1.2).

#### **Pengurusan data yang sistematik**

Bagi memantapkan proses pengurusan data, JIA menyediakan pelaporan yang lengkap mengenai program mobiliti pelajar dan disimpan dengan sistematik dan rapi.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0078\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_6.4.1.1 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
2. [B0078\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_6.4.1.2 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

### 6.4.2 Kenalpasti risiko

Komitmen JIA AAGBS bagi memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar melalui program sarjana berkembar mencapai matlamatnya ditunjukkan melalui penilaian semula program dan mengenal pasti peluang penambahbaikan. Proses tersebut dilakukan dengan mengenal pasti risiko dari segi proses pengurusan kelulusan program, proses kelulusan MoU/MoA dan pengurusan data sistematik.

#### Kategori risiko

#### Tahap risiko

#### Pelan tindakan

Rakan kolaborasi tidak aktif dan bilangan pelajar terlibat tidak mencapai sasaran

Risiko rendah

Kenal pasti pensyarah dan institusi berkaitan dan menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang berminat

Bilangan MoU/MoA yang rendah

Risiko rendah

Menyenaraikan institusi berpotensi peringkat antarabangsa dan menjalinkan hubungan strategik dengan alumni AAGBS

Sumber infostruktur yang tidak fleksibel

Risiko rendah

Memantau aktiviti berjadual dengan rapi dan mengemas kini sebarang aktiviti dengan lebih kerap

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_6.4.2.1 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
2. [B0078\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_Laporan eRMS\\_240813\\_154216.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Komitmen JIA memastikan program mobiliti pelajar mencapai matlamatnya dengan penilaian semula perjalanan program dan mengenal pasti peluang-peluang penambahbaikan melalui mesyuarat akademik AAGBS. JIA akan membuat pelaporan dan menyediakan pelan tindakan intervensi/ pengukuhan untuk pencapaian PI. Penilaian kepada objektif serta aduan dan maklum balas dilakukan untuk mengenal pasti kelemahan dan langkah pembetulan serta penambahbaikan bersesuaian (bukti 6.4.3.1). Pada peringkat Unit JIA juga membuat pemantauan proses berterusan bagi 2 perkara yang kritikal 1) perubahan tempoh masa penawaran mengikut semester rakan kerjasama. Perubahan yang ketara ialah kelewatan masa permulaan semester disebabkan oleh COVID 19 dan perubahan dasar institusi rakan kerjasama. 2) pelarasan penawaran kursus mengikut semester yang setara bagi kemasukan semester tertentu. Ini adalah kerana terdapat pelaksanaan kursus berbeza pada semester yang berlainan, oleh kerana pelaksanaan secara berterusan dan bukan serentak bagi kemasukan pelajar mengikut semester di pihak rakan kerjasama.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_6.4.3.1 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

### 6.5 INTEGRASI

AAGBS sentiasa menitikberatkan aspek penambahbaikan dan pembaharuan untuk memastikan kualiti yang terbaik dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar. Pembudayaan inovasi juga digalakkan dalam AAGBS dengan menghantar penyertaan ke pertandingan inovasi seperti "Operational Excellence" yang melibatkan templat pengurusan markah projek akhir pelajar sarjana berkembar yang dikenali sebagai 'MyEVA', prosedur penilaian projek penyelidikan program sarjana MBA. AAGBS melalui unit pengurusan kualiti telah mewujudkan MyEVA sebagai inovasi untuk pengurusan pemarkahan dipermudahkan, kecekapan pengguna ditingkatkan dan output diperolehi dengan tepat. Bagi program sarjana berkembar, pelajar yang terlibat perlu menyelesaikan penulisan projek akhir dan MyEVA membantu pihak pengurusan fakulti untuk menguruskan hal yang berkaitan dengan lebih efisien (Bukti 6.5.1).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0078\\_O01\\_OB05\\_20241\\_6.5.1 Lampiran Tumpuan Operasi.pdf](#)
2. [B0078\\_O01\\_OB05\\_20242\\_Bukti 5.2.2 Operational Excellence.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **7.1 HASIL UTAMA 1 (Hasil dari Pelaksanaan Strategi)**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Keberhasilan** AAGBS dalam kategori "**Innovative Thinkers**" dicapai melalui pelbagai program inovasi dan strategik yang mendapat sambutan hangat dari pelajar, termasuk program e-sport dan sesi ceramah interaktif seperti "Futureplay: Unleashing Potential, One Game at A Time". Webinar bertajuk "Innovation Meets Sustainability: Crafting the Future Global Business in Asia" yang diadakan pada 10 Disember 2023, menarik minat yang tinggi dengan 244 hits, menunjukkan potensi penyertaan yang baik dalam topik ini. Webinar ini bertujuan memberi pemahaman kepada pelajar UiTM mengenai strategi penggabungan inovasi dengan kelestarian serta perubahan dalam landskap perniagaan Asia, menyokong matlamat AAGBS untuk melahirkan pemimpin perniagaan yang berwawasan dan bertanggungjawab. AI Nusantara Roadshow yang dianjurkan pada 17 Januari 2024 di UiTM Shah Alam juga menarik minat besar dengan 367 hits. Acara ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan pakar industri dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan termasuk kursus latihan AI percuma dalam Data Analytics dan Digital Marketing, membantu pelajar memulakan kerjaya dalam bidang AI.

Terdapat peningkatan ketara dalam penyertaan pelajar dalam inovasi dan e-sport dari 2022 hingga 2023. Dalam kategori "Innovative Thinkers", bilangan pelajar yang terlibat dalam ciptaan dan inovasi meningkat daripada 5 pada tahun 2022 kepada 9 pada tahun 2023, dengan pencapaian melebihi sasaran pada kedua-dua tahun tersebut. Dalam e-sport, bilangan pelajar yang terlibat melonjak daripada 20 pada tahun 2022 kepada 160 pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan minat yang besar terhadap industri ini.

Dalam kategori "Responsible Leaders", program "Coaching for Success" yang dianjurkan pada 5 November 2023 menunjukkan minat yang tinggi dengan 385 hits. Program ini melibatkan sembilan alumni AAGBS sebagai jurulatih dan sepuluh ahli ASAS sebagai mentee, bertujuan memperkasa pemimpin masa depan dan meningkatkan kebolehpasaran peserta. Terdapat peningkatan dalam bilangan program khidmat pakar alumni dari 6 pada tahun 2022 kepada 7 pada tahun 2023, dengan pencapaian melebihi sasaran pada kedua-dua tahun tersebut.

Bagi kategori "Global Future Talents", terdapat peningkatan yang signifikan dalam bilangan program antarabangsa dari 14 pada tahun 2022 kepada 81 pada tahun 2023, menunjukkan keberhasilan strategi antarabangsa dan peningkatan penglibatan global AAGBS. Trend positif ini mencerminkan usaha berjaya dalam memperluaskan jaringan global dan menunjukkan komitmen terhadap pembangunan kepimpinan global di kalangan pelajar.

Secara keseluruhan, pencapaian dalam ketiga-tiga kategori ini menunjukkan bahawa AAGBS bukan sahaja melebihi sasaran yang ditetapkan tetapi juga berjaya memperkukuhkan kedudukan mereka dalam pendidikan tinggi, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ini memberi impak positif terhadap pembangunan pelajar, reputasi fakulti, dan penglibatan industri, menjadikan AAGBS sebuah institusi yang berdaya saing dan relevan di peringkat global.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_B0078\\_HB02\\_20241\\_Bukti 7.1.2 TAHAP.pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_B0078\\_HB03\\_20242\\_Bukti 7.1.3 TREN.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_B0078\\_HB04\\_20243\\_Bukti 7.1.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_B0078\\_HB05\\_20244\\_Bukti 7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **7.2 HASIL UTAMA 2 (Hasil dari Tumpuan Pelanggan)**

- 1. Teaching Self- Assessment (TESA)**
- 2. Student Evaluation (SUFO)**
- 3. Teaching Effectiveness Index (TEX)**
- 4. PRO-PENS**
- 5. Indeks Kegembiraan Staf UiTMCS**

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil 2 menekankan kepuasan pelanggan melalui instrumen seperti **TESA, SUFO, TEX, PROPENS, dan Indeks Kegembiraan**, yang mempengaruhi **bilangan kemasukan pelajar** dan **penjanaan pendapatan Tabung Wang Amanah AAGBS**. Kepuasan pelanggan penting untuk meningkatkan reputasi universiti dan kedudukan **QS Rankings**, kerana **penarafan QS** mengambil kira pengalaman pelajar dan alumni. Kepuasan pelajar yang tinggi boleh meningkatkan prestasi akademik dan menarik lebih ramai pelajar, yang seterusnya memperbaiki pendapatan dan fasiliti universiti. Prestasi rendah dalam subjek tertentu boleh mengurangkan daya saing UiTM, mempengaruhi kewangan universiti dan penjanaan pendapatan Tabung Amanah. Analisis prestasi penilaian di AAGBS, UiTM, menunjukkan peningkatan dalam lima kategori utama: **TESA, SUFO, TEX, PROPENS, dan Indeks Kegembiraan**. Pada tahun 2023, AAGBS mencapai atau melebihi sasaran dalam setiap kategori, dengan pencapaian tertinggi dalam TEX (95%) dan SUFO (93%). Peningkatan ini, termasuk dalam PROPENS dan bilangan aktiviti kebahagiaan, mencerminkan komitmen AAGBS dalam melahirkan **Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Talents** melalui pengajaran yang berkualiti dan kesejahteraan staf serta pelajar. Manakala Tren keberhasilan di AAGBS, UiTM, menunjukkan pencapaian positif dalam lima pengukuran utama: **TESA, SUFO, TEX, PROPENS, dan Index Kegembiraan**. Dari 2022 hingga 2023, terdapat peningkatan dalam TESA dan TEX, sementara SUFO mengekalkan kestabilan. PROPENS menunjukkan peningkatan dari 89.56% ke 93.48%, dan bilangan aktiviti berkaitan Happiness Index melonjak dari 3 ke 6. Keseluruhan prestasi menunjukkan pencapaian yang konsisten dan tinggi, membuktikan AAGBS dalam melahirkan Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Talents. Innovative Thinkers, Responsible Leaders, dan Global Future Talents adalah matlamat pendidikan AAGBS. Untuk mencapai ini, lima elemen penting dinilai: **TESA, SUFO, TEX, PROPENS, dan Indeks Kegembiraan Staf**. **TESA** membantu pensyarah menilai kreativiti, kepimpinan, dan perspektif global dalam pengajaran. **SUFO** memberi maklum balas pelajar, menunjukkan keberkesanan kursus. **TEX** mengukur kejayaan dalam mengembangkan pemikiran inovatif, kepimpinan bertanggungjawab, dan kemahiran global. **PROPENS** menilai prestasi pensyarah secara keseluruhan, manakala **Indeks Kegembiraan Staf** mempengaruhi cara pengajaran disampaikan, memastikan pengajaran efektif dalam konteks global. Kesemua elemen ini meningkatkan **kemasukan pelajar** dan **penjanaan pendapatan Tabung Amanah**, dengan pencapaian **meningkat** dari **83.87%** pada **2022** kepada **85.78%** pada **2023**.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_B0078\\_HB02\\_20241\\_Bukti 7.2.2 TAHAP HASIL 2.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_B0078\\_HB05\\_20242\\_Bukti 7.2.5 TANDA ARAS 2.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_B0078\\_HB04\\_20243\\_Bukti 7.2.4 PERBANDINGAN HASIL 2.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_B0078\\_HB05\\_20244\\_Bukti 7.2.5 KEPENTINGAN HASIL 2.docx.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### HASIL UTAMA KRITERIA 3

##### HASIL DARI PERLAKSANAAN STRATEGI:

1. Hasil misi berhubung dengan industry (Connect with Industry)
2. Hasil misi berhubung dengan komuniti (Engage with Community)
3. Hasil misi berpengetahuan maju (Advance Knowledge)
4. Hasil misi ke atas bilangan kemasukan pelajar
5. Hasil misi ke atas pendapatan Tabung Amanah

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Hasil 3** menekankan strategi perancangan untuk mencapai tiga misi utama AAGBS: menghasilkan pelajar sebagai "**Innovative Thinkers**," "**Responsible Leaders**," dan "**Global Future Leaders**." Penglibatan alumni yang tinggi di AAGBS menunjukkan komitmen kuat terhadap hubungan dengan industri, yang membantu universiti kekal relevan dengan perubahan industri. Dalam bidang E-Sport, AAGBS menunjukkan penglibatan yang baik, namun masih perlu bersaing dengan universiti lain. AAGBS juga mempunyai rangkaian kolaborasi antarabangsa yang kukuh dalam program MBA Dual Degree, sejajar dengan misi "Berhubung dengan Komuniti" melalui kerjasama global yang meluas. AAGBS menerapkan strategi untuk menghubungkan pelajar dengan industri global melalui pelbagai program pada tahun 2023, bertujuan membina **Global Future Talents**. Program utama termasuk **i-SPIKE 2023**, **Futureplay**, dan **InnoTech Talk**, yang memfokuskan pada peningkatan produktiviti, inovasi, serta pendedahan kepada teknologi terkini. Indikator Prestasi **PI033** menilai penyertaan pelajar dalam industri **E-Sports**, sementara **PI080** mengukur program **perkhidmatan pakar alumni** seperti **Mentor Mentee** dan sesi **Global Talent Readiness** untuk mempersiapkan pelajar sebagai bakat global. **PI023** pula menilai **kolaborasi** dengan **industri** dan **institusi** melalui webinar yang membincangkan inklusiviti dan strategi pemasaran. Program **pertukaran pelajar antarabangsa** diukur oleh **PI007** dan **PI008**, memberi peluang pelajar memperoleh pengalaman global. Selain itu, program **USR** dan aktiviti **CSR** memupuk **tanggungjawab sosial** di kalangan pelajar. **PI037** menilai penglibatan pelajar dalam inovasi melalui pertandingan seperti **IIID**, menggalakkan kreativiti dan kemahiran perniagaan. Sejak 2019, AAGBS telah berjaya melaksanakan misi "Connect with Industry," yang bertujuan menggalakkan penyertaan pelajar dalam inovasi dan industri. Pada 2022, sasaran melibatkan lima pelajar dalam aktiviti inovasi telah dicapai dengan 27 pelajar, dan pada 2023, dari sasaran sembilan pelajar, 18 pelajar terlibat. Dalam E-Sports, AAGBS mencapai sasaran melibatkan 20 pelajar pada 2022, dengan peningkatan kepada 160 pelajar pada 2023. Misi "Engage with Community" turut menunjukkan peningkatan melalui penglibatan alumni dalam program khidmat pakar, dari enam program pada 2022 kepada lapan pada 2023, serta peningkatan aktiviti antarabangsa dari 14 program pada 2022 kepada 81 pada 2023. Misi "Advance in Knowledge" juga diperkukuh dengan peningkatan dalam program khidmat pakar alumni dan aktiviti antarabangsa, menyokong pembentukan "Innovative Thinkers." AAGBS terus berusaha mengembangkan jaringan global dan melibatkan komuniti, sekaligus membentuk pemimpin global dan pemikir inovatif dalam kalangan pelajar. Misi "Connect with Industry" AAGBS membentuk pelajar menjadi "Innovative Thinkers" dan "Global Future Talents" melalui program-program yang memupuk kemahiran inovatif dan jaringan profesional. Contohnya, i-SPIKE 2023 memberikan platform untuk mempamerkan idea dan ciptaan inovatif serta memperluas jaringan global. Futureplay pula menggabungkan permainan dalam pembangunan potensi pelajar, manakala InnoTech Talk memperkenalkan aplikasi AI dalam perniagaan.

Program seperti MD dan E-Sport Day membekali pelajar dengan secara kreatif dan strategik, penting untuk persediaan dalam industri global. Misi "Advance in Knowledge" pula mempersiapkan pelajar untuk menjadi "Global Future Talents" melalui pertukaran pelajar dan latihan industri, seperti di University of Hradec Kralove dan WindsorPatania Architects. Misi "Engage with Community" menekankan tanggungjawab sosial melalui projek-projek seperti pembersihan pantai di Port Dickson dan program di Rumah Kasih Harmoni, membentuk pelajar sebagai pemimpin yang bertanggungjawab.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_B0078\\_HB02\\_20241\\_Bukti 7.3.1 TAHAP.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_B0078\\_HB03\\_20242\\_Bukti 7.3.2 TREN.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_B0078\\_HB04\\_20243\\_Bukti 7.3.5 PERBANDINGAN.docx.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_B0078\\_HB05\\_20244\\_Bukti 7.3.4 KEPENTINGAN.pdf](#)